

Jilid II  
Bil. 16



Hari Selasa  
26hb Mei, 1992

MALAYSIA

## PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

PARLIMEN KELAPAN

*Eighth Parliament*

PENGGAL KEDUA

*Second Session*

### KANDUNGANNYA

#### ATURAN URUSAN MESYUARAT:

Rang Undang-undang Akta Syarikat (Pindaan) 1992—  
Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga [Ruangan 3509]

#### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Tragedi Pembunuhan Beramai-ramai Rakyat Bosnia-Herzegovina—  
Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri) [Ruangan 3509]

#### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) [Ruangan 3514]

Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 3574]

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 3594]

Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) [Ruangan 3616]

#### USUL-USUL:

Penggantungan Kerja Y.B. Tuan Lim Kit Slang sebagai Ahli Majlis di bawah Peraturan Mesyuarat 44(6) [Ruangan 3531]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 3599]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.  
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,  
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.I.S. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMAD KHALID BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman

**BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan : Ramaswamy.

Penolong Penyunting : Shamsiah binti Md. Yusop.

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 26hb Mei, 1992

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

### DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

### ATURAN URUSAN MESYUARAT

#### RANG UNDANG-UNDANG AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 1992— MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga ke atas Rang Undang-undang Akta Syarikat (Pindaan) 1992 kepada mesyuarat Dewan Rakyat yang akan datang mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 62.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

#### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

#### TRAGEDI PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI RAKYAT BOSNIA-HERZEGOVINA

2.34 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya bangun untuk

mengemukakan pemberitahu bersurat di bawah Peraturan Mesyuarat 18 Majlis Dewan Rakyat mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan dengan tujuan merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Usul saya berbunyi:

Bahawa Dewan yang mulia ini mengizinkan Ahli dari Nilam Puri untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan bagi tujuan merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan yakni membincangkan tragedi pembunuhan beramai-ramai rakyat Bosnia-Herzegovina yang tidak berdosa dan ancaman kemusnahan negara Bosnia-Herzegovina oleh tentera New Yugoslavia (Serbia-Montenegro) dan mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

- (i) mendesak New Yugoslavia mengundurkan segera tenteranya dari Bosnia-Herzegovina dan menghentikan segala bentuk keganasan dan kemusnahan yang dilakukan di dalam wilayah-wilayah Bosnia-Herzegovina;
- (ii) menggesa Kerajaan Malaysia supaya menghulurkan bantuan dan keperluan asasi kepada Bosnia-Herzegovina bagi membantu setengah juta pelarian Bosnia;
- (iii) menyeru anggota-anggota Persidangan Negara-negara Islam (OIC) supaya memu-

tuskan hubungan diplomatik, kebudayaan dan ekonomi dengan New Yugoslavia yang mengamalkan dasar keganasan dan kemusnahan terhadap negara berdaulat Bosnia-Herzegovina, dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk melindungi dan menyelamatkan rakyat dan negara Bosnia Herzegovina dari ancaman tentera New Yugoslavia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah suatu perkara tertentu yang melibatkan nyawa berjuta-juta rakyat Bosnia-Herzegovina yang tidak berdosa yang diancam oleh serangan pengganas-pengganas suku kaum Serbia yang dibantu oleh balatentera New Yugoslavia. Sehingga ini, beribu-ribu lelaki, wanita dan kanak-kanak Bosnia dibunuh tanpa belas kasihan dalam malapetaka pembunuhan beramai-ramai akibat serangan tentera New Yugoslavia.

Perkara ini adalah berkenaan kepentingan orang ramai kerana rakyat dan pemerintah Bosnia-Herzegovina telah pun membuat rayuan umum dan secara terbuka kepada masyarakat antarabangsa untuk menyelamatkan mereka daripada serangan dan keganasan tentera Serbia dan juga New Yugoslavia, di mana setakat ini puluhan ribu umat Islam Bosnia dibunuh dengan kejamnya, di samping kemusnahan terhadap beratus-ratus masjid, gereja, biara, perkampungan Sukan Olimpik Sarajevo, kawasan kediaman dan perusahaan serta harta benda awam yang tidak ternilai.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berkehendak disegerakan kerana sebab-sebab berikut.

- (1) Semua usaha ke arah keamanan dan perdamaian antara Bosnia-Herzegovina dan New Yugoslavia yang ditaja oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa

Bersatu (PBB) dan Komuniti Ekonomi Eropah (EEC) menemui kegagalan kerana kedegilan dan keangkuhan pihak New Yugoslavia. Manakala pengganas-pengganas Serbia yang dibantu oleh tentera New Yugoslavia tidak membenarkan sesiapa pun termasuk para pemerhati PBB, EEC dan Persatuan Bulan Sabit Merah Antarabangsa daripada memasuki bandar-bandar Bosnia yang dicerobohi mereka seperti bandar Bijeljina, Zvornik, Visegrad, Gorazde, Foca dan Gacko.

- (2) Keganasan dan serangan yang dilancarkan oleh pengganas-pengganas Serbia bersama bala tentera New Yugoslavia di Wilayah-wilayah Bosnia-Herzegovina kini merebak dengan begitu meluas yang boleh menimbulkan ketegangan bukan sahaja di rantau Balkan tetapi juga ke seluruh dunia memandangkan mangsa dan korban puluhan ribu rakyat Bosnia adalah terdiri daripada umat Islam.
- (3) Tindakan segera perlu diambil untuk menyelamatkan berjuta rakyat Bosnia-Herzegovina yang kini berada di dalam kebuluran akibat tekanan dan kepungan tentera Serbia dan New Yugoslavia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima suatu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Nilam Puri pada pagi ini. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbulkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara yang tertentu;

Syarat yang kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan

Syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa ianya adalah perkara yang tertentu dan juga untuk kepentingan orang ramai. Tetapi pada fikiran saya, perkara seperti ini tidak boleh dikatakan perlu disegerakan. Apa yang terjadi di Yugoslavia selama ini telah pun berpanjangan dan tidak dipastikan bila ianya akan dapat diselesaikan.

Tindakan Malaysia terhadap apa yang sedang berlaku di Yugoslavia itu ialah melalui OIC dan Bangsa-bangsa Bersatu kerana Kerajaan lebih berkeyakinan tindakan dengan cara ini adalah lebih berkesan daripada tindakan bersendirian.

OIC telah memutuskan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk menyelesaikan ketegangan di Bosnia-Herzegovina. Malaysia telah menunaikan keputusan-keputusan tersebut termasuk mengiktiraf kemerdekaan Slovenia, Bosnia-Herzegovina dan Croatia pada 4hb. Mei, tahun ini.

Malaysia juga sedang mengenalpasti cara-cara untuk menyampaikan bantuan kepada rakyat Bosnia yang sedang menderita. Negara kita juga tidak menghantarkan duta yang baru ke Belgrade. Negara-negara EC dan OIC juga telah memanggil pulang duta masing-masing. Semua hubungan

politik dan ekonomi dengan Belgrade telah berada di tahap yang minimum. Kita juga telah menyokong keputusan Bangsa-bangsa Bersatu dan segala resolusi-resolusi yang berkenaan dengan tindakan terhadap Yugoslavia.

Oleh yang demikian, saya menolak usul ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN)

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbincangan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (25hb Mei, 1992)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bukit Bintang diminta sambung.

**Tuan Wee Choo Keong:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada Standing Order 26(1) (d):

"26(1) Unless Standing Orders otherwise provide, notice shall be given of any motion which it is proposed to move the exception of the following:

(d) a motion to proceed to any particular business out of the regular order;"

Ini mengenai dengan usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Kepong Dr Tan Seng Giaw bahawa beliau mencadangkan bahawa menurut Peraturan Tetap 43, Majlis Mesyuarat ini diminta menimbang semula, mengulangkaji serta menolak keputusan Timbalan Yang di-Pertua Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat yang menggunakan Peraturan Tetap 44 ke

atas Ketua Pembangkang Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang pada 4hb Mei 1992 untuk menghentikan ucapannya serta menghalang beliau daripada Majlis Mesyuarat bagi satu hari. Bahawa Majlis Mesyuarat ini juga menolak usul Yang Berhormat Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar yang tidak membenarkan Ketua Pembangkang masuk Majlis Mesyuarat hingga tamat Mesyuarat ini. Keputusan Timbalan Yang di-Pertua itu dan usul tersebut adalah bertentangan dengan isi kandungan Peraturan Majlis Mesyuarat dan juga berlawanan dengan semangat Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu Substantive Motion yang mana dua hari notis sudah diberi kepada Setiausaha Parlimen ini dan menurut precedent Parlimen, ini mesti diambil priority, dengan izin, daripada Urusan-urusan Kerajaan dan ini satu usul yang penting yang mesti didahulukan daripada semua urusan 1, 2, 3, 4 dan 5. Usul ini penting oleh kerana ia melibatkan precedent di Parlimen kita dan juga ini satu Substantive Motion mestilah didahulukan dan kita mesti fahami bahawa ada satu prinsip, dengan izin, justice must not only be done but it must be seen to be done. Kalau kita tidak diberi peluang membahar Usul ke 6 ini, jadi kita tidak menurut Peraturan yang ditetapkan oleh Parlimen ini dan ini satu usul yang penting, it hit to the roof of democracy, dengan izin. Ini adalah kebebasan kepada Ahli Parlimen untuk membahaskan perkara yang penting sebegini. Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak memberi peluang kepada Ahli-ahli Parlimen untuk membahaskan perkara ini, jadi Parlimen ini bagi Tuan Speaker untuk cover-up ataupun menjaga kepentingan sendiri sahaja dan juga untuk mengkaji semula keputusan-keputusan yang salah yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri.

Walau bagaimanapun, perkara ini penting dan Tuan Yang di-Pertua tidak boleh atau tidak berhak membuat

keputusan ini pada masa sekarang oleh kerana Tuan Yang di-Pertua terlibat dalam perkara ini. Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak memberi peluang kepada kita membahaskan perkara ini dengan segera sekarang, saya harap Tuan Yang di-Pertua kena turun daripada kerusi oleh kerana conflict of interest (*Tepuk*) dan juga justice must not only be done, it must be seen to be done, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bersabit dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang sebentar tadi, saya rasa keputusan yang telah dibuat dalam Dewan yang mulia ini oleh Tan Sri Speaker tempoh hari dan juga saya sendiri kelmarin adalah cukup jelas dan soal sama ada ianya membabitkan saya atau tidak, salah atau tidak keputusan yang dibuat tempoh hari pada 14hb Mei itu salah atau tidak, saya rasa itu bukan tertakluk kepada intepretasi Yang Berhormat sendiri. Jadi balik kepada 26(1)(d) itu....

**Tuan Wee Choo Keong: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, saya sedang bercakap. 26(1)(d) itu sebenarnya juga tertakluk kepada syarat-syarat lain dalam Peraturan Mesyuarat yang saya yakin Yang Berhormat sendiri pun tahu bahawa 15(1) dan juga 14(2) adalah cukup jelas di mana usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu memang telahpun dimasukkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan ianya kena menunggu giliran sebab Urusan Kerajaan kena didahulukan. Ini tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat dan saya sendiri ataupun Speaker sendiri pun tidak boleh meminda Peraturan Mesyuarat yang sedia ada. Itu cukup jelaslah Yang Berhormat dan saya rasa perkara yang sama itu sudah berulang kali dibangkitkan dan keputusannya dikekalkan.

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah Yang Berhormat, kalau bersabit dengan perkara ini.

**Tuan Wee Choo Keong:** Point of order. Dalam Peraturan 43 Standing Order ini berbunyi begini:

“43. Tuan Yang di-Pertua in the House or the Chairman in Committee shall be responsible for the observance of the rules...” dan yang akhir sekali sentencenya, “...Such a motion (substantive motion) shall not require more than two days.”

Dalam hal ini kita sudah mematuhi peraturan ini lebih daripada 2 hari notis. Kenapa kita tidak boleh bincang perkara ini, oleh kerana perkara ini adalah substantive Motion, oleh kerana kita di Dewan yang mulia ini, kita bercakap atas dasar keadilan.

Seperti keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua ini menunjukkan tidak ada keadilan langsung seperti menggunakan...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu terpulang kepada Ahli Yang Berhormat untuk menginterpretasikannya...

**Tuan Wee Choo Keong:** Ataupun kalau kita....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau Yang Berhormat hendak cakap, cakaplah ikut Peraturan Mesyuarat, yang saya sendiri pun tidak berhak untuk memindanya. Dan lagi pun saya ingin mengingatkan Yang Berhormat sekali lagi bahawa soal sama ada Usul ini dalam tempoh dua hari yang lepas atau tidak, itu tidak dipertikaikan. Cuma sequence ataupun priority,

keutamaan itu diberi kepada Urusan Kerajaan. Itu cukup jelas. Kalau Yang Berhormat sendiri enggan memahaminya itu terpulang kepada Yang Berhormat dan saya rasa masa memang agak mendesak sekali. Masa untuk membahaskan Urusan Kerajaan.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukannya soal Urusan Kerajaan, ini satu substantive motion yang mesti didahulukan...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Keputusan itu dibuat, substantive memang substantive, tetapi ini Urusan Kerajaan. Cukup.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ini sangat tidak adil.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang mana satu dulu?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini jelas 26(1)(d) usul hendak mengambil apa-apa perkara dahulu daripada perkara lain dengan tidak mengikut susunan biasa. Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua boleh mengambil keputusan untuk mendahulukan usul ini. Kalau yang ditetapkan seperti ini memang ini menunjukkan pihak Majlis Mesyuarat ini tidak akan membentangkan usul saya yang sudah ada di sini lebih 4 hari. Jadi, sehingga Majlis Mesyuarat tangguh hari ini Usul ini tidak akan dibentangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat juga menyentuh soal yang sama?

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya. Jadi ini tidak adillah, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun, Tuan Yang di-Pertua,

mengatakan bahawa mengikut 15(1) dan 14(2) ini tidak boleh dibuat tetapi 26(1)(d) boleh dibuat. Itu terserah kepada kewibawaan Tuan Yang di-Pertua sahaja. Jadi, kita tidak boleh terimalah kalau keputusan seperti itu berulang kali. Sudah tiga kali dah di dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat sudah habis bercakap?

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang sebenarnya sepertimana yang saya sebutkan tadi 26(1)(d) itu tertakluk kepada perkataan-perkataan yang tertera di dalam Peraturan Mesyuarat iaitu kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini. Takkan Yang Berhormat sendiri tidak faham? Tidak erti? Cukuplah Yang Berhormat. Saya tidak akan melayan benda yang sama yang telah diputuskan. Ini pun keputusan dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri. Saya kekalkannya. *(Tepuk)*

**Tuan Sim Kwang Yang:** Point of order 26(1)(d) lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** 20?

**Tuan Sim Kwang Yang:** 26(1)(d) lagi. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Menteri atau Timbalan Menteri pun kurang menghadiri mesyuarat ini, maksudnya pihak Kerajaan tidak berminat dengan Rang Undang-undang yang ada pada Urusan Mesyuarat ini kenapa Dewan yang mulia ini tidak boleh membahas satu usul yang baik yang akan mendengar cadangan yang membina dari pihak Kerajaan. Itulah tidak boleh diketepikan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Keputusan telahpun dibuat Yang Berhormat.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya tahu ini keputusan yang mutlak, kuasa yang mutlak, maka dengan ini kami bantah dengan sekeras-kerasnya. Saya sendiri menarik diri daripada Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Terpulanglah.

**Seorang Ahli:** Pergilah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Terpulanglah. Tetapi tingkah-laku itu kenalah secucuk dengan gelaran Yang Berhormat.

*(Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP meninggalkan Dewan)*

**Tuan Wee Choo Keong:** *(Masuk semula ke dalam Dewan)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Oleh kerana Bukit Bintang...Ya, Bukit Bintang hendak sambung ucapan?

**Tuan Wee Choo Keong:** Ya.

**Seorang Ahli:** Keluarlah, apa masuk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, sila sambung ya.

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):** Terima kasih. Untuk makluman kawan saya dari Parit Sulong, saya sudah keluar sana, tetapi masuk balik.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, janganlah berdailog.

**Tuan Wee Choo Keong:** Bukan berdailog, Tuan Yang di-Pertua. Hanya penjelasan kepada kawan saya di sebelah sana.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak ada sesiapa yang minta penjelasan ya. Saya tidak nampak pun.

**Tuan Wee Choo Keong:** Gangguan sahajalah. Tuan Yang di-Pertua, kelmarin Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata atau ada beri satu penjelasan bahawa masa tidak termasuk dalam Akta yang lama. Jadinya, Rang Undang-undang ini iaitu Seksyen 2, Subseksyen (1) Seksyen 2 Akta Timbang dan Sukat 1972 yang disebut...

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, duduk sekejap. Setiausaha Parlimen bangun.

**Dr Sak Cheng Lum:** Saya Setiausaha Parlimen bukan Timbalan Menteri.

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya ingatkan hendak naikkan pangkat dia dengan segera sekarang oleh kerana dia bijaksana. Walaupun ini Subseksyen (1) Seksyen 2 Akta Timbang dan Sukat 1992 yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "muatan," yang terdapat dalam takrif "alat timbang dan sukat" perkataan "masa,". Ini untuk mengawal parking meter ataupun sukatan masa (time). Tetapi kalau kita lihat daripada Akta yang asal "Akta ibu" ini tahun 1992 "masa" sudah masuk dalam Jadual I. Kalau kita merujuk kepada Jadual I Akta yang berkenaan First Schedule Part I, "as a unit of measurement" dia ada length, meter, time as second, mass, kilogram, electric current, ampere, thermo-dynamic temperature Kelvin dan sebagainya. Dan dalam Akta lama Kerajaan sudah ada kuasa mengawal seperti parking meter yang mana sekarang tidak dicalibrated atau tidak diperiksakan oleh Kerajaan sekarang.

Kita sudah tahu. dalam negara kita sekarang semua parking meter di dalam negara kita tidak dicalibrated. Kadang-kadang saya sendiri letak kereta, katakanlah 20 sen untuk satu jam kadang-kadang kita dapat setengah jam sahaja ataupun 45 minit sahaja. Ini bukankah daylight robbery? Kenapa Kerajaan tidak ambil tindakan dengan segera atas perkara-perkara seperti parking meter ini yang berleluasa di dalam negara kita.

Kita sudah bangkitkan perkara ini di dalam Parlimen dalam sesi yang lalu dan juga di dalam akhbar-akhbar. Begitu juga rakyat jelata ada public out-cry dengan perkara ini. Tetapi Kementerian ini tidak peduli oleh kerana apa? Oleh kerana syarikat-syarikat parking meter ini yang diswastakan kepada syarikat-syarikat yang tersebut mungkin bersubahat dengan tokoh-tokoh politik Barisan Nasional. Kenapa saya kata begini, kawan saya dari Parit Sulong tahulah, dia ketawa; dia tahu oleh kerana di dalam DBKL ada 3-4 syarikat yang hutang DBKL bukannya \$100,000 seperti kawan saya beritahu, bukannya \$100,000, bukannya \$200,000, berjuta-juta ringgit. Saya rasa lebih daripada \$2 juta syarikat swasta ini berhutang parking meter ini. Mereka dapat cash atau wang tunai daripada pengguna-pengguna. Tetapi waktu bayaran sewakah atau contractual pricekah atau harga kontrak itu mereka tidak bayar. Tunggakannya lebih daripada \$2-\$3 juta. Hampir hari ini saya rasa belum dijelaskan.

Dan juga kenapa Kerajaan tidak ambil tindakan supaya semua parking meter di dalam negara ini dicalibrated. Tetapi kalau kita lihat hampir hari ini dalam suratkhabarkan, dalam TVkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berminat pergi ke pasar, pergi ke kantor-kantor yang kecil, yang kecil-kecil dia nak takak, hak ular besar-besar tok

berani nak takak pulok? Ini ore Kelante kata ni. "Kalau hok kecil, dia takak, hok besar-besar seperti UniTrade Sdn. Bhd yang mengawal semua parking meter di Kuala Lumpur ambillah tindakan. Tok berani ambil. Dia buak tak tahu. Walaupun kita tulis surat beri ke dia, dalam kenyataan suratkhbar semua keluar, dia buak tak tahu. Buak tuli, buak bodo! Hok itu hok kita tidak sanggup tu? Sungguh! Wajib sungguh! (*Ketawa*) Ini hendok marah, sebab buak bodo! Perkara ini hak orang tahu doh! Semua dalam negara ini. Tahu doh! Surat pun tulis doh. Suratkhbar pun keluar doh, tetapi dia buak tidak tahu. Tanyalah Yang Berhormat dari Nilam Puri, dia pun tahu. Walaupun tidak ada parking meter di sana. Tetapi Kerajaan buat tidak tahu.

Inilah satu hakikat atau ini satu kelakuan yang kita tidak boleh terima, oleh kerana dia menjaga kepentingan syarikat-syarikat yang besar sahaja tanpa mengambil kira kepentingan pengguna-pengguna atau rakyat Malaysia kita. Walaupun ada satu peruntukan di dalam Akta yang lama tetapi tidak diambil tindakan. Kita boleh lihat daripada tindakan yang diambil oleh Kementerian Perdagangan sekarang yang hanya ambil tindakan di pasar-pasar dan kantor-kantor kecil sahaja. Tetapi kalau seperti Supermarket Metro, adakah mereka pergi ke sana dan memeriksa ruler mereka, timbang-timbang mereka atau sukatan mereka yang lain? Tidak pernah kita nampak ataupun baca di dalam suratkhbar bahawa pegawai Kementerian ini sedang pergi ke Supermarket Metro, Isetan atau ke mana-mana syarikat yang besar, cuma mereka pergi ke tempat-tempat yang kecil sahaja. Apa maknanya ini?

Ini bermakna Kementerian ini menjaga kepentingan kantor supermarket yang besar ataupun "giant corporate bodies" sahaja dan kita boleh lihat di dalam Akta yang lama bahawa

Kerajaan sudah ada kuasa atau ada hak untuk mengambil tindakan dalam segala sukatan, dalam weights and measures dan sebagainya, tetapi kita dapati bahawa selalunya mereka tidak ambil tindakan ke atas korporat-korporat yang besar. Selalu mereka pergi ke korporat yang kecil seperti di pasar-pasar, penjaja-penjaja yang menjual barang berharga \$1.00 dan \$2.00 yang keuntungannya mungkin hanya \$20.00 atau \$30.00 sehari. Kedai-kedai yang besar yang mempunyai banyak peluang untuk mengeksploitasikan pengguna-pengguna, Setiausaha Parlimen Kementerian tidak peduli. Dia hanya pergi ke pasar baru di sana dan sini untuk dapat publisiti. Itu untuk apa? Untuk mainkan politik sahaja.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini bukannya hendak mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menjaga kepentingan rakyat. Kenapa Kerajaan kita meluluskan Weights and Measures Act ini? Akta ini untuk apa? Untuk mengawal kantor-kantor yang kecil? Penjaja-penjaja di pasar sahaja? Saya rasa itu bukan tujuan Kerajaan. Tujuan Kerajaan ialah untuk menjaga kepentingan rakyat seluruhnya termasuk mengawal syarikat-syarikat yang besar seperti Unitrade Sdn. Bhd. yang mendapat hak di bawah privatisation, dengan izin, atas semua parking meters di Kuala Lumpur melalui DBKL dan juga seperti Syarikat Isetan, seperti syarikat Metro dan sebagainya. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan yang mulia ini kenapa, walaupun ada di dalam Akta yang lama, "time" sudah ada di dalam Jadual I, serta peruntukan untuk menguatkuasakan parking meter dan sebagainya, kenapa Kerajaan tidak ambil tindakan dengan segera ke atas perkara ini dan juga kenapa dibuat satu pindaan, walhal ini tidak perlu untuk diambil tindakan. Kenapa sehingga sampai hari ini kita tidak pernah baca atau nampak pegawai-

pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengambil tindakan atau membuat satu pemeriksaan di Syarikat Metrojaya, Isetan atau syarikat-syarikat besar yang lain.

Kedua, kenapa sampai hari ini Kerajaan tidak berani mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat swasta yang tidak meng'calibrate'kan parking meters mereka di dalam Kuala Lumpur serta tempat-tempat yang lain. Ini boleh dikatakan "daylight robbery" dan sudah ramai rakyat yang membuat aduan dan rayuan di dalam perkara ini, tetapi sampai hari ini kita tidak dapat apa-apa tindakan daripada Kerajaan kecuali membawa Rang Undang-undang untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 sahaja. Kalau Kerajaan ikhlas dalam perkara ini, Kerajaan boleh ambil tindakan dengan segera di atas Akta yang lama (Akta ibu 1972) ini. Ini sudah menunjukkan bahawa ini adalah satu fakta yang kita tidak boleh terima dan boleh dikatakan "pussyfooting" di dalam Kementerian berkenaan. Saya sangat kesal dengan Kementerian yang berkenaan di atas perkara ini.

*(Tuan Lim Kit Siang masuk ke dalam Dewan)*

**Tuan Wee Choo Keong:** Ketua Pembangkang telah masuk sekarang. *(Tepuk)* Mengenai penguatkuasaan ini, kita hendak tanya ataupun menyoal Kementerian berkenaan. Saya rasa Setiausaha Parlimen tidak berminat untuk dengar sekarang, dia terus tengok Ketua Pembangkang sahaja. *(Ketawa)*

Kenapa? Dia tidak berminatkah untuk kita bincang perkara ini? Hendak bincang soal Ketua Pembangkangkah?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yang Berhormat Arau bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Ketua Pembangkang telah digantung kerja di bawah 44(3), tetapi hari ini Ketua Pembangkang masuk. Dia digantung sehingga habis tempoh Majlis Parlimen. Saya ingin bertanya apakah peraturan berhubung dengan kemasukannya pada hari ini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Oleh kerana Yang Berhormat dari Tanjong merangkap Ketua Pembangkang telahpun digantung kerja sebagai Ahli Parlimen sampai habis penggal mengikut Peraturan Mesyuarat 44(3), saya rasa Yang Berhormat Tanjong dianggap sebagai orang luar pada ketika ini, dan kenalah Yang Berhormat dikeluarkan dari Dewan ini. *(Tepuk)*

**Tuan Shahidan bin Kassim:** *(Bangun)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu Yang Berhormat, satu demi satu. Point of order ke berapa?

**Tuan R. Karpal Singh:** 44(5). "Jika seseorang ahli itu digantung"—ini di bawah Peraturan Mesyuarat 44(5) yang saya hendak baca—"Jika seseorang ahli itu digantung kerja sebagai ahli Majlis menurut syarat-syarat Peraturan ini, maka ahli itu hendaklah diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua keluar daripada Majlis Mesyuarat dan tidak dibenarkan masuk hingga tamat mesyuarat". Apa interpretasi "hingga tamat mesyuarat"? Mesyuarat sudah tamat minggu dahulu. *(Sorak)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak.

**Tuan R. Karpal Singh:** Minggu ini bukan termasuk dalam phrase "sehingga tamat mesyuarat".

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sudah habis? Saya akan buat keputusan. Sebenarnya kalau kita merujuk kembali kepada Usul yang dibuat tempoh hari adalah cukup jelas bahawa beliau digantung kerja sebagai Ahli Parlimen sampai habis penggal—habis penggal—dan bukan sampai mesyuarat tamat sepertimana yang diinterpretasikan.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat tidak boleh berucap sebab sekarang ini Yang Berhormat tidak patut ada di sini.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bentara kena menjalankan tugas (*Diganggu*) mengeluarkan Ketua Pembangkang dengan serta-merta (*Diganggu*) dan semua yang dicakapkan oleh Ketua Pembangkang pada ketika ini yang saya rasa—beliau tidak patut ada di sini—tidak patut dimasukkan dalam rekod.

**Beberapa Ahli:** (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli Yang Berhormat Tanjong, sekiranya tetap berdegil-degil dan tidak mematuhi Peraturan Mesyuarat, saya kena menggunakan Peraturan Mesyuarat 44(6) supaya beliau dikeluarkan dengan kekerasan. Itu saya tidak sanggup, tetapi beliau kena juga mematuhi Peraturan Mesyuarat dan juga keputusan yang telahpun dibuat oleh Dewan yang mulia ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya datang untuk .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat tidak

patut berucap di sini, pada ketika ini sebab dianggap sebagai orang luar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mohon penjelasan Usul yang diteruskan, apa ertinya Usul selama perbincangan Mesyuarat ini dan inilah mengikut 44(5) tidak dibenarkan masuk sehingga tamat mesyuarat dan mesyuarat tamat pada hari Khamis dahulu dan Usul ini tidak dipanjangkan untuk memasuki persidangan ini, untuk tempoh dilanjutkan dua hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** 44(6), maka dengan ini, saya terpaksa menggunakan 44(6).

**Tuan Sim Kwang Yang:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu. Point of order, itupun kena satu demi satu. Dan keputusan Dewan kena dipatuhi dan 44(6) digunakan supaya Ketua Pembangkang dikeluarkan dengan kekerasan. Bentara jalankan tugas.

**Beberapa Ahli:** Point of order! Point of order!

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, satu demi satu. Selagi Ketua Pembangkang tidak mematuhi Peraturan Mesyuarat, maka point of order itu hanya akan dilayan kemudian.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dikeluarkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu dibenarkan untuk bertanya penjelasan kedudukan saya, keputusan boleh dibuat, saya boleh hormat tetapi hak saya untuk datang menerangkan kedudukan, itu tidak boleh dinafikan. Apa ertinya Usul ini, itulah, oleh kerana perbincangan sudah tamat pada hari

Khamis, semalam dan hari ini hari tambahan. Usul Dewan ini perlu dibicarakan dan kalau itu tidak dibenarkan, Tuan Yang di-Pertua salahguna kuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Duduk dahulu, Bandar Kuching.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tidak payah duduk, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat boleh bangkitkan point of order, dengan syarat bahawa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kena dikeluarkan dahulu.

**Tuan Sim Kwang Yang:**....dan tadi atas keputusan itu, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):**Tidak.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** 44(6) telahpun digunakan. Bentara, sila jalankan tugas.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Point of order saya belum dilayani. Saya dahulu bangun.

**Beberapa Ahli: (Menyampuk)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, kalau tidak erti Bahasa Malaysia yang saya cakap sebentar tadi, itu terpulang.

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, Tanjong kena keluar dengan serta-merta dahulu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Di bawah Peraturan Mesyuarat 44(9), Ahli-ahli Parlimen sendiri akan mengeluarkan dia.

**Beberapa Ahli: (Menyampuk)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sabar!

Untuk meredakan suasana yang sengaja diwujudkan oleh Ahli-ahli yang tertentu yang saya rasa dukacita sangatlah, saya kena menempohkan Majlis Mesyuarat selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 3.15 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 4.18 petang.*

*(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, suasana yang kurang menyenangkan itu amatlah saya merasa dukacita. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, point of order. *(Disampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, Yang Berhormat, ada usul. *(Disampuk)* Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum point of order dibangkitkan, usul perlu dibentangkan dahulu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri, sila teruskan. Point of order akan dilayan kemudian.

## USUL

### PENGGANTUNGAN KERJA Y.B. TUAN LIM KIT SIANG SEBAGAI AHLI MAJLIS DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 44(6)

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan bahawa:

Dewan dengan ini memutuskan, oleh sebab Yang Berhormat Encik Lim Kit Siang, Ahli dari Tanjong telah berdegil-degil tidak mahu keluar dari Dewan ini setelah beliau telah digantung kerja di bawah Peraturan Mesyuarat 44(3), Dewan dengan ini mengambil ketetapan di bawah Peraturan Mesyuarat 44(6) iaitu Ahli Yang Berhormat itu digantung kerja sebagai Ahli Dewan selama sehingga 31hb Disember 1992, (*Tepuk*) dengan syarat jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu meminta maaf di atas perbuatannya itu kepada Yang di-Pertua Dewan dengan bertulis, maka pergantungan ini akan terbatal dan beliau boleh mengambil tempatnya di dalam Dewan ini selepas sahaja Yang di-Pertua membuat pengumuman kepada Dewan ini berkenaan dengannya. Majlis juga memutuskan pada hari ini, jika sekiranya Yang Berhormat itu masih berdegil hendak memasuki Dewan ini dan berdegil tidak mahu keluar, maka berkuasalah Speaker mengarahkan mana-mana pegawai Parlimen dan mana-mana Ahli Yang Berhormat lain dalam Dewan ini untuk mengeluarkan Ahli Yang Berhormat itu dari Dewan ini.....(*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian....

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya belum habiskan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Silakan.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:**.....Ahli Yang Berhormat itu dari Dewan ini dengan cara kekerasan di bawah Peraturan Mesyuarat 44(9). Terima kasih.(*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya kena mengemukakan Usul yang dibaca tadi. Ada yang menyokong?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Saya menyokong.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Ting Chew Peh):** Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dua orang yang menyokong. Terima kasih.

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dulu saya belum putuskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengemukakan Usul ini untuk diputuskan oleh Dewan yang mulia ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui. Usul diper-setujukan.(*Tepuk*)

**Tuan R.Karpal Singh:** Point of order, Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, sila. Yang beberapa Yang Berhormat?

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan takut! (*Diganggu*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang keberapa?

**Tuan R. Karpal Singh:** 44(8).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, sila bacakan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tadi Tuan Speaker ada menggunakan peruntukkan 44(8) untuk menangguhkan mesyuarat yang ditetapkan 15 minit. Kenapa peraturan itu berbunyi seperti berikut "jika sekiranya berlaku haru-biru yang besar dalam Majlis Mesyuarat maka Tuan Yang di-Pertua boleh menangguhkan mesyuarat jika pada fikirannya mustahak ditangguhkan dengan tidak diminta keputusan mesyuarat atau menempohkan persidangan mesyuarat selama yang ditetapkannya." Apa yang ditetapkannya adalah 15 minit. Sekarang lebih daripada satu jam. Bolehkah saya dapat tahu apa jadi dalam bilik Tuan Speaker? Empat Menteri di sana? Pakat dengan Menteri untuk kemukakan usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat sudah habis yang menyentuh perkara ini?

**Tuan R. Karpal Singh:** Belum habis, belum habis. Maka, sebagai Tuan Speaker, you should be nobody's man, you are the man of the House. Tidak boleh campur tangan dengan Menteri untuk pakat dalam...*(Tepuk)* Bolehkah saya dapat tahu oleh kerana apa? 15 minit tetapi lebih satu jam. Saya mahu sebab-sebab. Apa conspiracy ini. Sebagai satu hakim...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sudah habis?

**Tuan R. Karpal Singh:** Belum habis lagi. Sebagai satu hakim, Tuan Speaker duduk di sana atas "kerusi Hakim" tetapi kelakuan Tuan Speaker buruk. *(Tepuk)* Oleh kerana satu jam ada pakat dengan Menteri...*(Diganggu)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah bersabit dengan apa...

**Tuan R. Karpal Singh:** Kelakuan yang tidak baik...*(Diganggu)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bertenang! Bersabit dengan apa yang Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bangkitkan tadi itu sukalah saya memperingatkan Yang Berhormat sebelum Majlis Mesyuarat ditempohkan tadi, saya tidak menggunakan mana-mana Peraturan Mesyuarat melainkan saya cuma menempohkan Majlis Mesyuarat selama 15 minit.*(Diganggu)* Itupun bukan tertakluk kepada mana-mana Usul yang diputuskan oleh Dewan...

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, apa Peraturan untuk menangguhkan. Itu Peraturan 44(8)...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dulu Yang Berhormat...*(Diganggu)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa Peraturan yang digunakan di sini...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau Yang Berhormat bangkitkan sesuatu saya kena membuat keputusan dan sudah beri penjelasan...

**Tuan R. Karpal Singh:** Dan peruntukan yang tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat kalau macam ini, macam mana saya hendak bercakap?

**Tuan R. Karpal Singh:** Di bawah Peraturan mana? Bolehkah saya dapat tahu, Tuan Speaker? *(Disampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dulu!

**Tuan R. Karpal Singh:** Di bawah apa Peraturan? Jikalau bukan 44(8) tadi, apa Peraturan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya tidak menyebut mana-mana Peraturan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa Peraturan? Sila sebut sekarang!

**Beberapa Ahli:** Duduk! duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila duduk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan ganggu di sini!

**Ahli Yang Berhormat:** Duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila duduk! Erti?

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan main-main di sini! Duduk itu kerusi betul-betul, tetapi salah guna! Salah guna Peraturan ini. Bolehkah saya tahu apa Peraturan? (*Diganggu*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Duduk dulu Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu penjelasan saya hendak, di bawah apa peraturan?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya minta di bawah point of order, bagaimanakah Yang Berhormat dari Jelutong...(*Diganggu*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Jurucakap, you sit down!

**Beberapa Ahli:** Sit down! Hoi, duduk! duduk!

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, duduk sebentar...

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, point of order tadi. Belum habis lagi. Belum dapat keputusan dari...(*Diganggu*)

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, point of order...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar, satu-satu. Yang Berhormat satu-satu. Yang Berhormat Bayan Baru jangan tepuk terlampau kuat ya, tidak dengar. Satu-satu. Yang Berhormat Menteri dulu ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, tadi keputusan belum dihabiskan lagi. Apa keputusan Tuan Speaker...

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan 35(1) seseorang ahli hanya boleh bercakap apabila dipanggil oleh Tuan Yang di-Pertua. (*Diganggu*) Ini dia bercakap tanpa dipanggil oleh Tuan Yang di-Pertua...(*Diganggu*)

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, ya, Ipoh duduk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of Order 44(8)...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Jelutong, 44(8).

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, apa dia. Apa yang tidak kena?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tadi, Tuan Speaker, mesyuarat ada ditangguhkan untuk 15 minit yang ditetapkan di bawah

44(8). Tidakkah ada lain Peraturan yang memberikan kuasa kepada Tuan Speaker untuk menangguh mesyuarat dalam keadaan seperti tadi. Bolehkah saya dapat tahu apa Peraturan yang diguna untuk menangguhkan Dewan ini untuk 15 minit. Itu apa yang saya mahu dapat tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat...

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu apa yang saya mahu dapat tahu.

**Seorang Ahli:** Duduklah! Duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya ingin tanya Yang Berhormat...*(Diganggu)* Ahli-ahli Yang Berhormat!... Saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong kalau sekiranya Peraturan tidak ada apa tindakan yang harus dibuat?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker itu telah menyalahguna kuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya ingin memberi penjelasan...

**Tuan R. Karpal Singh:** No, jikalau tidak ada Peraturan, Tuan Speaker tidak boleh bertindak. Tidak ada Peraturan. Peraturan yang ada, adalah 44(8) tidak ada lain.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat minta duduk ya...

**Tuan R. Karpal Singh:** Jikalau orang MCA ini menyalahguna kuasa tendang dia keluar dari Dewan ini.*(Tepuk)* *(Diganggu)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang

Berhormat, keputusannya seperti ini, ya. Penangguhan Dewan tadi tidak diusulkan untuk dipersetujui oleh Majlis. Itu adalah tertakluk di bawah discretion Tuan Speaker ya...

**Tuan R. Karpal Singh:** Mana ada discretion, Tuan Speaker, mana? Where's the discretion in these Standing Orders? Bolehkah saya dapat tahu? *(Diganggu)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Satu-satu Yang Berhormat..*(Diganggu)* Yang Berhormat Jelutong...

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, point of order belum diselesaikan hari ini *(Diganggu)* Jangan main-main di sini..*(Diganggu)*

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** *(Bangun)* *(Diganggu)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Shut up, sit down!..

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Jelutong..

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, point of order belum diselesaikan. Hari ini...

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Tuan R. Karpal Singh:** Sebagai Ahli Dewan, jangan main-main di sini...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Baiklah Yang Berhormat, minta duduk ya.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Jelutong, ada point of order dari Kota Setar.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya belum selesai ini..

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, beri peluang kemungkinan dia boleh membantu menyelesaikan. Ya, Kota Setar apa dia?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Jelutong itu saya rasa 44(8)lah kuasa Tuan Yang di-Pertua....(*Sorak*)

**Tuan R. Karpal Singh:** 15 minit, dia ambil satu jam. Lepas itu pakat dengan dua orang itu di sana, dalam kamar. Bolehkah seorang Tuan Speaker...

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** You punya jam siapa kira? (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat duduk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah jawab?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya buat ruling. Minta duduk ya, Jelutong. Minta duduk. Kota Setar duduk ya. Duduklah Yang Berhormat. Kota Setar minta duduk ya.

Yang Berhormat, kita telahpun memberitahu tadi bahawa ini adalah discretion daripada Tuan Speaker, kecuali jika ada specific rules yang boleh Yang Berhormat kemukakan yang mengatakan otherwise. Jadi kita tetapkan. Yang Berhormat tahu dalam Peraturan Mesyuarat, keputusan Tuan Yang di-Pertua muktamad. Jadi keputusan kita muktamadlah. (*Tepuk*)

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Itu tertakluk kepada budibicara Tuan Yang di-Pertua. Kalau diputuskan oleh Majlis ini untuk penangguhan, kita kena patuh kepada 15 minit. Tetapi apabila Tuan Yang di-Pertua buat keputusan, dia mempunyai discretion. (*Tepuk*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Discretion Tuan Speaker, ada satu jam bukan 15 minit. Apa dia buat dalam kamar, Tuan Speaker. (*Diganggu*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Baiklah, saya akan jelaskan apa yang berlaku dalam kamar...

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang berlaku dalam kamar...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta duduk, minta duduk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Terdapat dua Menteri ini pakat dalam kamar sana. Bolehkah? (*Diganggu*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta duduk ya, saya akan jelaskan. Duduk dulu...

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia mesti jadi macam hakim, bukan sebagai seorang ahli Barisan Nasional apabila dia ada duduk atas kerusi ini...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sila duduklah. Saya akan beritahu apa yang berlaku dalam bilik, kalau Yang Berhormat hendak tahu. Apa yang berlaku dalam bilik kita membincangkan bersama Tan Sri Speaker, dan saya dan Timbalan yang seorang lagi bahawa 15 minit untuk memberi keadilan yang seadil-adilnya. Maka kita memerlukan masa yang begitu lama untuk memikirkan keadilan. Itulah sebabnya berlaku masa begitu panjang. (*Tepuk*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Satu jam 15 minit untuk berbuat demikian? *(Diganggu)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kita tidak mahu keputusan kita secara kelam-kabut, Yang Berhormat. Jadi saya harap Yang Berhormat terimalah keputusan itu. Mintalah, ya Yang Berhormat!

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Hoi, dalam bilik pun mahu tahukah! *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat!

**Tuan Lau Dak Kee:** *(Bangun)*

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Duduk. Kota Setar duduklah.

**Tuan Lau Dak Kee:** *(Bangun)*

**Seorang Ahli:** Ipoh mari!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ipoh, tidak payahlah.

**Tuan Lau Dak Kee:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order yang sama? Berapa, berapa...*(Diganggu)*

**Tuan Lau Dak Kee:** Walaupun gunakan 44(8), tetapi....

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk).*

**Tuan Lau Dak Kee:**...Tuan Speaker, point of order.

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat teruskan, ya, ya.

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Tuan Shahidan bin Kassim:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Duduk, duduk.

**Tuan Lau Dak Kee:** 44(8), kerana Tuan Speaker yang tadi itu sudah mengumumkan bahawa Dewan ini ditangguhkan selama 15 minit, tetapi sebenarnya lebih daripada 1 jam. Bermakna Tuan Speaker yang sama itu masuk kembali dan digantikan oleh Tuan Speaker sekarang. Tetapi apa yang mustahaknya ialah Tuan Speaker yang lalu itu telah mengumumkan di dalam Dewan ini "selama 15 minit". Bermakna dia cakap di sini lain, cakap luar lain, cakap bilik lain, macam mana kita hendak ikut?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat....

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Speaker, itu satu pengumuman telah dinyatakan oleh Tuan Speaker itu, sepatutnya kita mematuhi. Kalau Dewan ini betul-betul hendak menetapkan dengan perintah-perintah tetap ini, maka apa yang telah dinyatakan oleh Tuan Speaker itu kena diikuti oleh semua dan juga kena ikut oleh diri sendiri. Kalau dia diri sendiri tidak ikut, siapa yang hendak ikut? Itu maksudnya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ya, okay.

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya minta Tuan Speaker supaya perkara ini tidak berlarutan sebab perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali. Tuan Speaker buat satu ruling, tetapi yang lain itu tidak ikut, boleh berubah-ubah di luar, bukan dalam Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Ipoh, kita sudah faham.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Speaker, perkaranya ialah, perkara yang telah dinyatakan oleh Tuan Speaker boleh berubah-ubah di lain tempat, bukan di dalam Dewan ini. Itulah yang mustahaknya, Tuan Speaker.

**Beberapa Ahli: (Tepuk)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cukup, ya?

**Wan Mohd. Hanafiah bin Wan Mohd. Saman: (Bangun)**

**Tuan Shahidah bin Kassim: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, duduk sebentar, ya? Ahli-ahli Yang Berhormat, walau apapun bantahan yang dibuat kita telah memberi penerangan. Walau apapun bantahan yang dibuat, tidak akan keputusan satu jam lebih itu akan membatalkan mesyuarat ini ataupun invalidate the meeting of the House. Jadi, buat apa Yang Berhormat buat bantahan?

**Beberapa Ahli: (Menyampuk)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Speaker, saya hendak tanya Tuan Speaker sama ada peraturan yang telah dibuat oleh Tuan Speaker itu ....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Beri dia point of order dulu.

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya pun point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sudah selesai.

**Beberapa Ahli: (Menyampuk)**

**Tuan Lau Dak Kee:** Apa yang Tuan Speaker itu cakapkan di sini, is carried atau tidak, kalau tidak dicarried, .....(Disampuk)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** 44(1).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, okay, okay. Sebentar, Arau, sebentar.

**Tuan Lau Dak Kee:** Yang penting ialah apa yang disebutkan mesti ditunaikan. Tetapi tidak di sini, bagaimana?

**Beberapa Ahli: (Menyampuk)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, point of order 44(1), Tuan Yang di-Pertua mesti hentikan cakap orang yang macam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Okay, ya, minta duduk Arau.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Mesti berhenti bercakap sebab mengulangi cakap Ahli-ahli yang lain.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tidak.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Cuba baca, baca 44(1).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, okay, kita minta Arau duduk sebentar.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** 44(1).

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Arau, okay. Arau duduk, Ipoh, duduklah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Cukuplah, sebab kita perlu bincang benda yang penting sekarang termasuk saaraan Ahli-ahli Parlimen. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.....

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya minta penjelasan sedikit, adakah perlu di dalam Dewan ini, bercakap lain di dalam, lain di luar. (*Diganggu*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, minta duduklah, Ipoh duduklah dahulu, saya buat ruling. Arau, saya akan membuat keputusan, ya.

**Tuan Lau Dak Kee:** Buat rulinglah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, saya akan buat ruling. Saya tidak boleh buat ruling kalau masih mahu bercakap. Arau minta duduk. Saya telah mengatakan tadi apa sebabnya kita mengambil masa lebih daripada 15 minit. Jadi, apa ruling yang kita kena buat lagi sekarang ini? Tidak ada ruling yang kita hendak buat lagi. Kita sudah

jelaskan. Yang Berhormat minta penjelasan kenapa memakan masa yang lama sangat, dan kita sudah beri penjelasan. Jadi, kalau Yang Berhormat tidak puas hati dengan keputusan Timbalan Speaker tadi itu, kita ada procedure khas, seperti Yang Berhormat sedia maklum, untuk membantah keputusan-keputusan atau tindakan-tindakan yang telah dibuat. Jadi, sila ikut saluran. Kita tidak boleh jerit sana, jerit sini. Kita ada banyak Bill lagi yang harus diselesaikan. Jadi, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat bertanggungjawab untuk menyelesaikan Bill-bill tersebut dan Yang Berhormat Kepong pun hendak Usulnya dibahaskan. Jadi, kalau kita hendak bincang perkara yang tidak kait-mengait, saya ingat tidak ada 'chance'lah untuk Kepong. (*Ketawa*) Jadi kita mintalah kerjasama untuk meneruskan perbahasan, ya. Jadi, minta Yang Berhormat sambunglah.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Melaka, kalau sama juga, tidak payahlah, Kota Melaka.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, point of order berapa, Yang Berhormat? Berapa?

**Tuan Lim Guan Eng:** 44(6).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** 44(6)?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya. Tadi satu Usul telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri. Peraturan 44(6) berbunyi:

“Jika seseorang atau dua atau lebih daripada dua orang ahli yang sama-

sama melakukan kesalahan dan yang telah digantung kerja menurut Peraturan ini, engkar mengikut perintah Tuan Yang di-Pertua menyuruh keluar, apabila tiap-tiap seorangnya disuruh keluar oleh Bentara Mesyuarat menurut perintah Tuan Yang di-Pertua, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah menarik perhatian Majlis Mesyuarat iaitu mustahak dijalankan langkah keras bagi memaksa Ahli-ahli itu mengikut perintahnya. Apabila ahli atau ahli-ahli yang telah disebutkan namanya oleh Tuan Yang di-Pertua iaitu engkar menurut perintahnya telah dikeluarkan daripada Majlis Mesyuarat, maka dengan tidak dikemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat, ahli-ahli itu hendaklah tergantung kerja sebagai ahli Majlis sehingga habis penggal Majlis”.

Tadi Yang Berhormat Menteri telah membawa satu Usul, tetapi Usul ini tidak dibawa semasa kejadian itu berlaku, semasa Yang Berhormat dari Tanjong tidak mahu menurut perintah, kononnya, untuk keluar dari Dewan. *(Disampuk)* Semasa Yang Berhormat Menteri....

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Tuan Lim Guan Eng:** Semasa Yang Berhormat Menteri membawakan Usul ini.....

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah mententeramkan keadaan Tuan Yang di-Pertua, saya sedang berucap atas point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Bertenang sebentar ya, saya tidak dengar. Bertenang sebentar. Teruskan cepat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bertenang sedikit, ya?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cepat sedikitlah, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ada banyak bunyi haiwan di sini. *(Disampuk)* Semasa Yang Berhormat Menteri membawa Usul ini, Yang Berhormat dari Tanjong tidak ada dalam Dewan ini.....

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia mesti dikemudiankan, dan point of order saya dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Apa hak dia untuk membawa point of order hendak challenge Tuan Yang di-Pertua di bawah 44(6). Itu di bawah Peraturan lain, sekarang dia hendak challenge Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan berapa? 44(6)—tidak boleh challenge keputusan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Itu keputusan Tuan Yang di-Pertua dan keputusan itu dibuat di bawah 44(6).

Hendak challenge, di bawah Peraturan lain. Sekarang ini dia bangun bukan di bawah point of order.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis point of order saya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Dia hendak bawa point of order berapa Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kota Melaka?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order berapa?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kota Melaka, saya akan buat keputusan, saya akan buat ruling, ya?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** 44(6)—keputusan Tuan Yang di-Pertua. Hendak challenge, di bawah peraturan lain!

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini usul sepatutnya dibawa semasa itu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kalau dia hendak challenge, dia ada peraturan lain. Saya tahu peraturan itu, tetapi saya tidak beritahu kepada dia. Cari sendiri. *(Ketawa)* Tetapi ini hendak challenge keputusan Tuan Yang di-Pertua, itu di bawah peraturan lain. Kuching tahu. Kuching patut beritahu, kalau tidak, dia bodoh sangat itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Menyampuk)*

**Tuan Sim Kwang Yang:** *(Menyampuk)*

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebentar. Yang Berhormat Kota Melaka duduk, semua duduk, Kuching pun duduk. Saya sudah faham apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat, keputusan yang telah diambil oleh Tuan Yang di-Pertua tadi iaitu mengikut sepertimana yang diusulkan oleh Menteri itu kena pada tempatnya. Jadi, tidak ada apa yang harus dipertikaikan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini penting, Tuan Yang di-Pertua .....*(Diganggu)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, keputusan kita pun penting.

**Tuan Lim Guan Eng:**....yang dirujuk ialah Peraturan Mesyuarat, yang saya tanya kepada seorang Menteri *(Diganggu)* dari segi 44(6), semasa Yang Berhormat Tanjong tidak ada di sini.....*(Diganggu)*

**Seorang Ahli:** Bodoh!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dia boleh tanya, saya pun hendak tanya juga.

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Kalau dia boleh tanya, saya hendak tanya juga Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat dan Yang Berhormat Kota Melaka sila faham bahawa keputusan yang diambil tadi ialah setelah dipersetujui oleh kebanyakan Ahli di sini. Itulah ertinya

demokrasi, Yang Berhormat. Jadi, saya minta kerjasama semua pihak, minta duduk, semua pihaklah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, semasa Usul ini dibawa, Usul ini dibawa adalah kerana Yang Berhormat Tanjong..... (*Diganggu*)

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua gunakanlah kuasa yang diberi untuk mengelakkan Dewan ini daripada bergaduh atau bertumbuk macam di Taiwan.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Melaka, Usul itu dibentangkan dan dicadangkan, sungguhpun Tanjong tidak berada di dalam Dewan, tetapi perkara yang dilakukan sudah berlaku, sudah berlaku.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, keputusan kita muktamad.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Bagaimanakah masalah boleh dirujukkan sedangkan masalah itu tidak timbul lagi!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (*Menyampuk*)

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat semua duduk! Mesyuarat diteruskan. Kota Melaka, saya harap menerima keputusan. (*Tepuk*) Saya teruskan Mesyuarat. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang hendak sambung ucapan tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya sudah membuat keputusan, Yang Berhormat. Jadi, ertinya Yang Berhormat mempertikaikan keputusan saya. Saya telah buat keputusan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, minta sambung.

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order. Saya berhak meminta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya telah memberikan keputusan dan ruling.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, ....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, tidak dibenarkan ....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** 44(2).

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengikut point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, point of order yang ditimbulkan ....

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat telah disebut supaya berhenti bercakap, perbincangan tidak disambung, tindakan boleh diambil di bawah 44(2). Oleh itu, sesuatu yang telah diputuskan oleh

Majlis Mesyuarat, tidak boleh dibawa kembali untuk dibahaskan semula. Mana boleh dibahaskan semula perkara yang telah diputuskan oleh Mesyuarat.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Mintalah Yang Berhormat, .....

**Tuan Lim Guan Eng:** Salah, itu salah, tadi Tuan Yang di-Pertua berkata, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ialah orang luar. Dia orang luar, dia tidak berhak bercakap, dia tidak bercakap langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya telahpun membuat keputusan ...

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Kota Melaka ini bercakap atas tajuk apa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Atas point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, point of order yang dikemukakan itu saya telah buat ruling. Saya sudah katakan bahawa .....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua kata dia bukan seorang Ahli Parlimen, dia orang luar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, orang luar dimaksudkan untuk sesi ini, bukan untuk selama-lamanya, dia masih Ahli Parlimen yang telah diundi oleh rakyat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Oleh sebab itu 44(5) tidak berkuatkuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya minta Yang Berhormat duduklah.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, janganlah paksa saya, please!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Menyampuk*)

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Menyampuk*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak paksa, saya hormati Tuan Yang di-Pertua,.....ini satu perkara penting di Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, minta sambung ucapan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, minta duduklah.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, hendak sambung atau tidak, kalau tidak saya beri orang lain berucap. Diminta sambung.

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya hendak bercakap, tetapi dia ada point of order sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Siapa yang hendak berucap, silakan. Pasir Mas. (*Tepuk*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Timbang dan Sukat 1972.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Timbang dan Sukat 1972 .....

**Tuan Wee Choo Keong:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar Yang Berhormat. Point of order berapa Yang Berhormat?

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Speaker, sebenarnya saya hendak bercakap, tetapi Tuan Speaker tidak memberi peluang kepada saya untuk berucap. Dan saya hendak bercakap tadi, oleh kerana ada satu point of order yang belum dijelaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Okay, Yang Berhormat, sila teruskan ucapan. Tidak ada point of order, teruskan dengan topik yang dibincangkan. Pasir Mas minta tunggu sekejap. Beri dia peluang. Ini bukan point of order, ucapan.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Menyampuk*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Menyampuk*)

**Tuan Wee Choo Keong:** Apa ini, Yang Berhormat. Katak, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia hendak berucap, sekejap. Okay, Pasir Mas mintalah.

**Beberapa Ahli:** Hei katak, duduklah!

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Menunjukkan isyarat tangan*)

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*) Boo!

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Speaker, kita minta tarik balik itu, yang dia tunjukkan itu, tanda lucah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Menyampuk*)

**Tuan Wong Wing On:** Tuan Speaker, ini memang orang yang tidak bertamadun, uncivilised, barbarian!

**Beberapa Ahli:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat Kampar, Bukit Bintang teruskan. Yang Berhormat, sekejap, berilah dia peluang. Jerai, sila duduk. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Speaker, itulah kelakuan yang tidak seperti manusia.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, tidak payah komen.

**Tuan Wee Choo Keong:** Haiwan, menunjukkan katak di dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskan, tidak payah komen.

**Tuan Wee Choo Keong:** Menunjukkan tanda lucah di dalam Dewan yang mulia. Apa ini, seperti itulah katak orang kata. Lompat ke sini, lompat ke sana, dapat berapa saya tidak tahu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas menunjukkan satu tanda lucah, tiga, empat kali di hadapan murid-murid sekolah. Dan orang yang menunjukkan tanda lucah tidak dipecat, Ketua Pembangkang dipecat satu tahun, mana

ada demokrasi ini? Saya rasa saya hendak rujuk 26(1) kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, saya sudah muak dengan tingkah laku yang semacam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak buat satu Usul berkenaan Hak dan Kebebasan kerana telah menghina maruah Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, point of order 26(1)(p):

“26(1) Kecuali tidak ada syarat-syarat lain dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahu, kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini:

(p) usul berkenaan dengan hak dan kebebasan.”

Di sini saya hendak merujuk Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana beliau telah menjatuhkan maruah Dewan yang mulia ini, menghina Dewan yang mulia ini, dengan menggunakan tanda lucah di hadapan semua Ahli Yang Berhormat, di hadapan murid-murid sekolah. Satu kemaluan yang besar ....(Ketawa)

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Sabbaruddin Chik):** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli Yang Berhormat, sebentar.

Yang Berhormat Menteri, silakan.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan perkataan yang digunakan oleh Ahli

Yang Berhormat dari Kota Melaka. 'Kemaluan' itu yang lucah. (Ketawa) Perkataan itu tidak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebentar.

**Beberapa Ahli: (Menyampuk)**

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas menunjukkan kemaluan tadi, saya tidak nampak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya buat keputusan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya akan buat keputusan dari point of order Kota Melaka ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya belum habis lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya telah faham, tidak payah berucap panjang, saya telah faham.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya belum habis point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya buat keputusan, saya telah faham apa dia point of order itu.

**Seorang Ahli DAP:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya buat keputusannya sekarang ini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Arau minta duduk. Ahli Yang Berhormat, saya buat keputusan dahulu atas Peraturan Mesyuarat yang dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat, apa Yang Berhormat katakan itu memang betul. Kalau sekiranya ada *prima facie* case yang dilakukan in the face of the House. Tetapi saya sebagai Timbalan Yang di-Pertua yang duduk pada hari ini tidak nampak apa-apapun. (*Sorak*)

Jadi, saya memutuskan .....

**Beberapa Ahli DAP:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya buat keputusan belum selesai lagi. Ruling saya belum selesai. (*Sorak*)

(*Semua Ahli-ahli DAP, Semangat 46 meninggalkan Dewan*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, tenanglah. Yang Berhormat, apa hendak dikata, saya sebagai Timbalan Yang di-Pertua tak boleh komen daripada sini, kalau tidak, banyak komen saya. Saya sudah cukup sabar, tetapi nampaknya keadaan Dewan sekarang ini tak dapat dibendung lagi. Jadi tak apalah, saya tak buat apa-apa komenlah. Diminta Yang Berhormat Pasir Mas untuk berucap.

4.50 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih

kerana keadaan Dewan sudahpun kembali tenang dan kita ada beberapa Rang Undang-undang untuk diselesaikan dan hari ini sudahpun hari yang terakhir. Suka saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang di-Pertua kerana telah berjaya mengawal suasana Dewan ini dan kita percaya, insya Allah, kita akan selesaikanlah Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita untuk kita putus sebagai hari terakhir Dewan yang mulia ini bersidang.

Satu perkara yang saya ingin menegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, tohmahan yang pihak DAP mengatakan saya menunjuk tanda yang tidak senonoh adalah tidak tepat.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, point of order lagi, Arau.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sekarang ini saya hendak bawa di bawah 26(1)(b), bahawa saya ingin merujuk Ahli dari Kota Melaka kerana perbuatannya mengharu-biru dan memalukan Dewan yang mulia ini, juga di depan murid-murid sekolah dan Dewan terpaksa ditangguh beberapa kali kerana perbuatan beliau. Jadi, dengan itu saya ingin merujuk beliau di bawah 26(1)(b) iaitu Jawatankuasa sesebuah Majlis, iaitu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen untuk merujuk perbuatan beliau yang telah mencemarkan.....

**Seorang Ahli:** (*p*)!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Maaf, 26(1)(p) iaitu untuk merujuk beliau kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana perbuatannya telah memalukan Dewan yang mulia ini di depan orang ramai dan juga pegawai-pegawai Kerajaan dengan mencabar keputusan Yang di-Pertua di mana

keputusan yang telah diputuskan oleh Dewan Mesyuarat ini. Dia hanya boleh mencabar Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan 99 yang tidak dibawanya kerana perkara ini juga perlu diberi notis.

Oleh kerana perbuatannya tadi telah memalukan Dewan yang mulia ini, maka saya mencadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) untuk merujukkan Ahli dari Kota Melaka kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila ikut peraturan biasa ya. Teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan saya ucap tahniahlah kepada Ahli Parlimen Arau suatu.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bawa usul dan saya minta sokongan, selepas itu kena dipersetujui sama ada usul saya dipersetujukan ataupun tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, biasanya usul seperti itu kita masukkan dalam Order Paper.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya boleh bawa usul ini tanpa perlu saya bawa notis, saya boleh bawa macam itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Fasal kita telah buat ruling yang lalu bahawa usul seperti ini akan dimasukkan ke dalam Order Paper untuk dibahaskan dan Yang Berhormat kena beri notis bertulis.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Okay. Sebab saya Ahli Barisan yang baik, saya akur perintah Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut bahawa pihak DAP telah mengambil kesempatan dalam suasana yang haru-biru cuba hendak mempermainkan, terutamanya saya dari Pasir Mas mengatakan saya menunjukkan tanda yang tidak senonoh. Perkara ini tidak benar sama sekali. Dan dibuat tohmahan hanya sekadar untuk mencari kesempatan untuk mengenakan diri saya dengan menyebut kononnya di depan kanak-kanak sekolah yang ada dalam Dewan ini. Saya sekali-kali tidak melakukan apa-apa pun tanda yang disebut oleh pihak DAP, cuma tinggal lagi saya mengangkat tangan dan saya tepuk tangan, itu tanda geram saya. Saya tidak menyebut sekali-kali perkataan ataupun apatah lagi menyebut perkataan yang disebut oleh pihak DAP. Oleh itu, saya minta kalau ada pihak-pihak akhbar supaya berhati-hati menulis.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Penjelasan. Yang Berhormat buat macam mana, tunjuk supaya kami tengok sebagai saksi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh tunjuk sekali, saya tepuk tangan macam ini....(*sambil menepuk kedua-dua belah tapak tangan*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ha, kita boleh terima.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya tepuk tangan, dua kali saya tepuk tangan, itu bukan tanda tidak senonoh. Tetapi saya tunjuk tangan dekat pipi, ya (*sambil meletakkan sebelah tapak tangan ke pipi*) Itu tanda penampar. Itu betul. Tetapi perkataan yang disebut, memang tak betul. Saya hendak minta supaya pihak akhbar, oleh kerana saya memandang ke hala Tuan Yang di-Pertua, pihak akhbar di belakang, dia tak nampak. Jadi kalau tulis benda yang tak betul, nanti orang baca seolah-olah saya ini tidak sopan. Saya tahu saya orang yang paling baik (*Ketawa*), paling berbudi bahasa dan paling dihormati.....

### Seorang Ahli: Betul!

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ha, dihormati. (*Ketawa*) Jadi kalau dibuat berita yang diselit kononnya tuduhan DAP itu dimasukkan dalam berita, sudah tentu ianya mengelirukan rakyat dan mengelirukan masyarakat, terutamanya pengundi-pengundi saya. Saya minta sungguh-sungguh supaya perkara ini tidak disalahtafsirkan. Alhamdulillah, dengan peristiwa yang kita tengok tadi, sekarang ini masalah haru-biru tidak berbangkit lagi dan saya percaya kita boleh selesaikan tugas kita sebagai anggota Dewan Rakyat, terutamanya Bil-bil yang ada di hadapan kita ini yang penting-penting, termasuklah Rang Undang-undang yang saya hendak turut menyokong, iaitu Akta Timbang dan Sukat 1972.

Tuan Yang di-Pertua, tidak payah memanjangkan masa lagi, saya hendak merujuk kepada Fasal 2, iaitu pindaan Rang Undang-undang ini, antara lain Fasal 2 menyebut bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan meminda takrif alat timbang dan sukat untuk memasukkan masa sebagai satu daripada kuantiti yang hendak disukat. Ini akan memperluaskan takrif itu untuk meliputi meter tempat letak kereta, perakam waktu dan alat-alat serupa yang lain.

Mengenai dengan masalah apa yang dikatakan takrif masa, iaitu termasuk masa bagi menentukan meter letak kereta. Ini penting, Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaksanaannya sebab kita tahu meter-meter letak kereta ini saya juga pernah berpengalaman, jenis meter letak kereta yang ada sekarang ini bermacam-macam jenis. Ada yang kita dapati kebanyakannya juga rosak, tak boleh digunakan. Jadi, saya ingin tahu, bila dikatakan meletak kereta, masa itu ditakrif sebagai suatu perkara yang disukat, termasuk meter letak kereta, saya hendak tengok kaedah macam mana yang akan digunakan dari segi takrif dan pelaksanaannya, secara yang lebih jelas hendak memahami supaya tidak timbul

kekeliruan di kalangan pengguna nanti apabila mereka meletak kereta mereka menggunakan tempat meter nanti, kalaulah meter itu berlaku kerosakan ataupun seumpamanya macam mana hendak ditakrifkan? Saya bimbang kalaulah takrif itu nanti dari segi sukat, tidak dibuat dengan secara yang teliti, antara pengguna dengan mereka yang melaksanakan dari segi pelaksanaan, sebagaimana contoh, kakitangan daripada Bandaraya boleh timbul perselisihan yang boleh membawa kepada pergaduhan di tempat letak kereta nanti. Sebab itu, saya minta perkara ini diperjelaskan dan waktu pelaksanaan mestilah berhati-hati supaya tidak timbul kekeliruan di kalangan pengguna-pengguna letak kereta dalam kita mentakrifkan waktu masa, dalam ertikata mengikut Fasal 2 ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita dengar dalam masyarakat kita bersabit dengan masalah timbang dan sukat ini, terutamanya di musim-musim perayaan. Di musim-musim perayaan banyak sekali berlaku tipu-helah yang telah dibuat oleh peniaga-peniaga, terutamanya mengambil kesempatan terhadap pengguna-pengguna dengan menggunakan timbangan dan sukat yang tidak sepatutnya. Saya sendiri secara peribadi mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah di atas tindakan Kementerian yang bertanggungjawab, tetapi usaha mestilah dilipatgandakan kerana masalah timbang dan sukat ini memang menjadi masalah kepada pengguna-pengguna, terutamanya dalam waktu jual-beli di antara peniaga dan pembeli-pembeli. Banyak kali sering berlaku masalah penipuan terhadap timbang dan sukat ini. Jadi saya percaya Akta ini bertujuan untuk memperkukuh dan memperkuat lagi usaha pihak Kementerian bagi membanteras penyelewengan dan penyalahgunaan timbang dan sukat bagi menjaga kepentingan para pengguna.

Jadi itu sahaja, saya tidak bercadang untuk bercakap panjang sebab kita ada banyak Rang Undang-undang yang mesti dihabiskan pada hari ini. Sekian, terima kasih, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Arau.

5.00 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bersama-sama dengan rakan-rakan saya dalam Barisan Nasional untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya amat gembira dengan Kementerian ini. Kementerian ini telah sekurang-kurangnya, kita hendak pergi lebih tak boleh lagi, sekurang-kurangnya telah menyedarkan masyarakat terutamanya masyarakat-masyarakat pengguna bahawa betapa perlunya kita buat sesuatu itu, ataupun apa perkara yang kita hendak buat, kita seharusnya berhati-hati dan tidak ditipu. Tadi Ahli dari Bukit Bintang, seorang Ahli Parlimen yang saya ingat saya boleh sanjung sebagai sama tarafnya seperti Lee Lam Thye, kalau macam ini saya ingat tak sampai 0.5% Lee Lam Thye pun, tak ada. Dialah yang sebenarnya yang menyebabkan Dewan ini huru-hara kerana membenarkan rakannya dari Kota Melaka untuk membuat point of order atau penjelasan dan lain-lain benda yang menggilakan suasana. Sebenarnya beliaulah yang menyebabkan kerana beliau sedang bercakap, dan malah memuji-muji pula Ketua Pembangkang yang sebenarnya orang luar masuk ke dalam Parlimen ini dan seterusnya bercakap. Mana orang luar boleh bercakap dalam Parlimen? Saya tak pernah jumpa lagi seumur hidup. Orang di belakang itu hanya boleh ketawa, silap-silap sedikit boleh jentik-jentik

jari, lain tak boleh. Ini masuk dan berucap! Dia orang luar, selagi tak habis tempoh penggantungannya.

Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini kerana telah berjaya menyedarkan masyarakat tentang perkara ini dan Ahli dari Bukit Bintang tadi telah menuduh Kementerian ini hanya memberi perhatian kepada peniaga-peniaga kecil di pasar. Sebenarnya, dalam keadaan sekarang, mereka inilah banyak menipu sebab di supermarket dan sebagainya kita senang sebab mereka ini kita tahu tempatnya dan mereka menggunakan alat-alat yang saya rasa sampai ke tahap canggih yang sukar untuk mereka menipu dan mereka tak perlu tipu timbang untuk membuat keuntungan. Tetapi yang di bawah-bawah ini oleh kerana mereka menganggap bahawa mereka ini melibatkan pembelian bukan secara tiap-tiap hari, tetapi tiap-tiap jam dan juga tiap-tiap minit, dan ini orang-orang yang paling kita bimbang kerana merekalah yang boleh secara langsung, yang hendak kaya cepat terpaksa menipu cara ini. Tetapi, syarikat-syarikat besar saya percaya, untuk kaya mereka tak perlu tipu timbang.

Saya bersyukur kerana Kementerian ini telah berjaya menyedarkan pengguna dan juga menyedarkan penjual supaya lebih berhati-hati dan tidak menggunakan soal timbang ini untuk mendapatkan keuntungan cepat, mereka boleh buat cara-cara yang lain dan tidak menipu pengguna ke arah tersebut. Jadi kita sebagai salah seorang daripada pengguna dan seluruh rakyat Malaysia mengucapkan tahniah kerana telah berjaya sekurang-kurangnya dengan publisiti yang ada sekarang ini menyedarkan semua pihak termasuk Perdana Menteri, termasuk Menteri-menteri dan lain-lain lagi, bila hendak beli barang mesti pastikan bahawa barang-barang yang kita beli itu, kalau hendak beli sekilo, sekilolah kita dapat. Kita ucap tahniah. Teruskan usaha ini, kita orang-orang Barisan Nasional akan

dibangkitkan dalam perbincangan-perbincangan. Kedua-dua Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat dari kawasan Klang dan kawasan Bukit Bintang, telah menyentuh mengenai perluasan takrifan alat-alat timbang dan sukat untuk merangkumi masa dan seterusnya penentuan meter letak kereta yang terdapat di seluruh negara.

Saya percaya mereka kedua ini meragui sama ada meter letak kereta yang dikendalikan oleh Majlis-majlis Perbandaran di negara kita adalah sah ataupun tidak, kerana tindakan untuk memperluaskan takrifan alat-alat timbang dan sukat hanya dibuat pada masa Parlimen ini.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesahkan bahawa keraguan ke atas pengendalian meter letak kereta ini tidak timbul. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua perkara berkait dengan penggunaan meter letak kereta pada masa ini adalah di bawah Undang-undang Kecil, yang diperbuat oleh Majlis-majlis Perbandaran masing-masing. Undang-undang Kecil ini adalah sah dan kutipan bayaran juga dibuat di bawah undang-undang kecil yang sama. Oleh sebab itu pembayaran balik kutipan bayaran seperti yang disyorkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat saya percaya tidak timbul sama sekali.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, servis pengendalian dan ujian meter letak kereta adalah dilakukan oleh kontraktor-kontraktor bagi pihak Majlis-majlis Perbandaran, dan kontraktor-kontraktor ini pada masa sekarang juga mengikuti prosedur-prosedur dari sistem ujian yang disyorkan oleh pembekal-pembekal yang mana menepati standard-standard antarabangsa.

Apa yang akan berlaku selepas pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah seksyen 2 ialah:

- (i) kawalan yang lebih ketat ke atas ujian dan pemeriksaan meter letak kereta akan diadakan; dan

- (ii) ini juga bermakna bahawa ujian dan pemeriksaan yang seragam akan diadakan di seluruh Malaysia, dan ianya akan dibuat oleh Inspektor Timbang dan Sukat.

Saya juga ingin membetulkan satu anggapan dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengenai pengwujudan masa di bawah Jadual I Akta Timbang dan Sukat 1972. Pengwujudan masa ini adalah sebagai unit asas pengukuran dalam Sistem S.I dan bukan sebagai satu daripada kuantiti ukuran yang boleh dibuat dengan alat timbang dan sukat untuk tujuan perdagangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, bagi tujuan perdagangan sukatan masa itu perlu dinyatakan dengan jelas dalam takrifan alat timbang dan sukat, jika tidak, takrifan alat timbang dan sukat menjadi terlalu umum dan sukar untuk dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa cadangan-cadangan lain yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Yang Berhormat dari Arau, memang Kementerian mengucapkan terima kasih dan kita akan mengambil perhatian di atas cadangan-cadangan seperti cadangan untuk melipatgandakan tindakan terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab, di bawah Akta Timbang dan Sukat. Memang kita anggap cadangan itu sebagai cadangan yang baik dan memang kami akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Arau berkenaan alat-alat computerise, alat-alat timbang dan sukat iaitu alat-alat timbang dan sukat yang canggih, maka Inspektor Timbang dan Sukat boleh memeriksa dan menguji alat-alat timbang dan sukat jenis komputer yang digunakan untuk menimbang padi. Mereka telah diberi latihan iaitu Inspektor-inspektor Timbang dan Sukat,

mereka ini telah di beri latihan dan tunjuk-ajar, dan di samping itu mereka memiliki alat-alat dan standard-standard yang sesuai untuk membuat ujian yang mana perlu.

Alat-alat yang telah diuji dan yang digunakan dengan betul akan sentiasa berjalan dengan baik, iaitu dapat memberi timbangan yang betul. Tetapi kita juga mengalu-alukan segala cadangan dan kalau ada permintaan untuk menjalankan pemeriksaan atas mana-mana alat-alat timbang dan sukat, maka itu menjadikan tanggungjawab pegawai-pegawai Kementerian ini dan kalau tidak diterima permohonan atau aduan, memang pegawai-pegawai dari Kementerian ini akan memberi segala kerjasama dalam usaha untuk menentukan alat-alat timbang dan sukat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah apa yang dapat saya jawab atau jelaskan dan saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai-Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 14* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) (NO.2)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.20 ptg.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1992 bagi meminda Akta Ahli Parlimen Saraan 1980 untuk menaikkan gaji dan elaun bulanan Ahli Parlimen, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat serta anggota pentadbiran telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 24hb 1991 dan Dewan Negara pada 31hb Disember, 1991. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah telah memberi perkenan Baginda ke atas Rang Undang-undang itu pada 30hb Januari, 1992. Rang Undang-undang itu telah diwartakan pada 20hb Februari, 1992 sebagai Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1992.

Tuan Yang di-Pertua, setelah Rang Undang-undang itu diwartakan dan semakan semula dibuat, didapati terdapat ketidak-konsistenan pada angka di Seksyen 3(1)(b). Versi Bahasa Malaysia seksyen berkenaan menyatakan elaun Ahli Parlimen sebanyak empat ribu ringgit manakala versi Bahasa Inggeris seksyen berkenaan menyatakan perkataan "empat ribu lapan ratus ringgit". Sebagaimana yang telah dipersetujui, elaun Ahli Parlimen ialah sebanyak \$4,800 sebulan. Ketidak-

konsistenan ini berlaku semasa naskah muktamad disediakan untuk dimajukan bagi mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ini kerana semasa Dewan membahaskan Rang Undang-undang tersebut, perkataan yang tercatat pada Seksyen 3 (1)(b) ialah empat ribu lapan ratus ringgit sebulan. Kesilapan tipografi yang berlaku pada Seksyen 3(1)(b) Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1992 itu ialah pada versi Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kesilapan tipografi yang berlaku pada Seksyen 3(1)(b) Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1992 versi Bahasa Malaysia yang merupakan naskah sah, satu Rang Undang-undang perlu diadakan bagi memperbetulkan kesilapan itu. Kesilapan yang berlaku ini adalah tidak disengajakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.24 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini bukanlah kerana ianya memberi manfaat ataupun pecuniary benefit, dengan izin, pada saya. Saya bercakap di sini untuk mencatatkan di dalam rekod bahawa pindaan Rang Undang-undang bayaran saraan kepada

Ahli Parlimen memang kena pada tempatnya, kerana dengan pendapatan \$4,800 sebulan itu serta juga ditambah menjadi sitting allowance \$75 sehari, ini sebenarnya kalau dibandingkan dengan Parlimen-Parlimen lain, masih lagi di bawah. Kalau dibanding dengan Ibu Parlimen yang mana kita memodelkan diri kita mengikutnya, iaitu Westminster, kita masih lagi 1/4 daripada pendapatan-pendapatan Ahli Parlimen. Yang saya diberitahu bahawa seorang Member of Parliament di Great Britain mendapat £5,000 sebulan serta juga lain-lain kemudahan di dalam bentuk 'support staff' dan lain-lain lagi. Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini boleh diperbahaskan. Misalannya, kita Ahli Parlimen di sini hanya menjadi Ahli Parlimen 'part-time' pada hal di Britain, 'full-time' dan tiap-tiap hari ada persidangan Parlimen dengan 'break' yang sedikit.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, soal saraan, soal ganjaran kepada Ahli Parlimen ingin saya bangkitkan di dalam suasana yang baru kita lihat tadi, iaitu kita Ahli-ahli Parlimen adalah dipilih untuk menganggotai Dewan yang cukup mulia ini, iaitu Dewan yang merupakan kemuncak di dalam pembuatan keputusan untuk mentadbir, untuk mewujudkan undang-undang negara supaya negara ini berjalan sebagai satu negara yang bertamaddun di zaman yang paling tamaddun, iaitu di zaman kemuncak tamaddun manusia yang belum lagi dicapai di dalam sejarah.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Apa yang telah kita lihat berlaku semenjak saya masuk Parlimen pada tahun 1986, saya fikir soal kita Ahli-ahli Parlimen cuba mempertahankan taraf ataupun expectation dunia, expectation public pada kita, masih lagi belum tercapai. Misalannya, kalau saya memohon satu kajian dibuat mengenai

dengan soal huru-hara dalam Parlimen, persoalan huru-hara yang berlaku dalam sesi ini kebanyakannya adalah hasil daripada provokasi yang kosong. Walaupun ada sebab, walaupun ada isu yang boleh dibawa, tetapi ianya dibawa dengan cara yang melampau, dengan cara yang tidak etika, dengan cara yang cukup memalukan. Misalnya, di dalam isu yang dibawa yang menjadi sumber huru-hara yang kita hadapi hari ini, kelmarin dan lain-lain hari lagi ialah soal MAIKA, pada hal saya telah membangkit masalah ini dalam Parlimen bahawa soal ini adalah di dalam siasatan dan ianya melalui proses penyiasatan. Maka tidak seharusnya seorang Ahli Parlimen, khususnya Ketua Pembangkang, cuba mengeksploitasikan hakikat ini untuk mendapat modal politik. Sebagaimana yang saya katakan dahulu, ianya di dalam siasatan pihak BPR yang sedang menyiasat, dan tunggulah hasil siasatan itu, kerana apabila BPR menyiasat, pihak Pembangkang juga mengalu-alukan dan memuji-muji tindakan BPR yang cukup 'prompt' dan cukup spontan. Maka selepas itu di dalam penyiasatan BPR, kita membawa soal menuduh orang lain criminal, soal menuduh itu, menuduh ini sehingga bangkit keadaan provokasi yang menghuru-harakan Parlimen. Jadi, ini adalah satu cabaran kepada Ahli-ahli Parlimen di Malaysia kerana kita tidak usahlah—saya fikir, Tuan Yang di-Pertua pun setuju dengan saya—tidak usahlah kita hendak memodelkan diri kita kepada Parlimen Taiwan ataupun Parlimen Turkey ataupun Parlimen mana-mana negara yang, kita baca, bertembak, bertumbuk dan lain lagi.

Ini penting kerana sekarang ini zaman kod etika, sehingga kod etika Raja-raja pun telah ada, hendak diadakan kod etika Ahli Parlimen. Saya fikir tidak penting diadakan kod etika Ahli Parlimen sepertimana yang diminta oleh dua, tiga orang Ahli Pembangkang kerana Ahli Parlimen adalah orang yang mewujudkan the norms, yang mewujudkan the values, dengan izin, takkan orang

yang mewujudkan the norms hendak adakan kod etika untuk dirinya sendiri kerana andaian kepada orang yang mewujudkan the norms ataupun the values, dia sendiri mengetahui values and norms yang baik tetapi kalau dia sendiri tidak tahu menilai apa itu the good values, dengan izin, ataupun the good norms, dengan izin, maka ia tidak berhak duduk di dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, pada saya kalau dikaji, diminta pihak-pihak universiti-kah, Department of Political Science mengkaji satu bidang yang berlaku dalam Parlimen. Misal kata, titlenya "Huru-hara Dalam Parlimen"—kaji macam mana huru-hara itu berlaku. Saya telah mengkaji sendiri. Saya membaca **Hansard-Hansard** lama, kebanyakan huru-hara itu dilakukan disebabkan pelanggaran etika. Pada hal, Parlimen ini mempunyai Standing Orders yang memang cukup, tidak perlu diperketatkan lagi. Jikalau Ahli-ahli Parlimen sendiri mengetahui bahawa mereka adalah the people who leads in the formation of good values and good norms.

Jadi, di sini yang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji kebanyakan daripada pihak Pembangkang yang membuat provokasi supaya ianya berlaku begini. Tengok, lihat isu yang sekarang, inilah provokasi dan kebanyakan tuduhan-tuduhan itu adalah tuduhan yang liar yang mana kita kesal sekali kerana sebagai Pembangkang yang sepatutnya constructive, isu-isu yang lebih meaty, dengan izin, yang lebih penting diperbincangkan bukan soal hendak pergi cari skandal. Yalah, kalau hendak cari skandal, carilah tetapi janganlah menggunakan Dewan ini untuk over-killed ataupun untuk menganiayakan seseorang yang belum lagi dibuktikan kesalahannya.

Jadi, inilah yang penting dan kalau dilihat juga, kalau baca **Hansard** daripada dahulu sehingga sekarang, kita dapati dalam akhir-akhir ini, kalau

dibandingkan isi kandungan ucapan-ucapan Pembangkang, kita lihat bahawa isi kandungannya pada masa sekarang tidak ada soal-soal yang dibangkitkan mengenai falsafah pembangunan, masalah strategi negara, itu dan ini. Pada hal kalau kita berbalik kepada 30 tahun yang lalu ataupun 20 tahun yang lalu, minta maaf, kebanyakan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Pembangkang yang lain seperti Lee Kuan Yew, Tan Chee Koon, D. R. Seenivasagam, Dato' Asri dan lain-lain lagi.

Pada masa itu, berlainan sangat isi ucapan mereka. Ucapan mereka pada masa itu adalah datang daripada pemikiran yang intellectual, bukan pemikiran yang penuh dengan malice, bukan pemikiran yang penuh dengan hendak cari witch hunting, hendak cari kesilapan orang. Apabila dicabar untuk ke mahkamah tidak ada bukti. Jadi, inilah satu standard Opposition yang ada pada masa sekarang, cukup mengaibkan ataupun cukup memalukan kita kerana pada saya, saya masih lagi menunggu untuk mendengar ucapan-ucapan daripada pihak Pembangkang yang boleh mengkritik Kerajaan, menunjuk kesilapan falsafah pembangunan, falsafah pentadbiran, belum lagi dapat saya lihat dan dengar semenjak saya duduk dalam Parlimen selama 6 tahun ini.

Oleh itu, soal-soal ini patut dibangkitkan, patut diperbincangkan lebih-lebih lagi apabila peranan-peranan Ahli-ahli Parlimen hendak ditambah, elaun hendak ditambah, perlu kita bincangkan kerana Parlimenlah satu tempat yang dicipta oleh manusia sebagai satu tempat yang hendak mendapatkan kebenaran di dalam pemikiran manusia di dalam bagaimana manusia hendak mentadbir dirinya dan Parlimen ini mestilah dipertahankan sebagai satu Dewan yang mulia dan yang betul-betul dihormati oleh tiap-tiap Ahli Parlimen. Kalau hanya hendak menjadikan Dewan ini sebagai tempat

untuk membasuh dirty linen, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir hilanglah mertabat Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya di dalam hal ini boleh saya cadangkan cara-caranya kerana kalau kita lihat pada masa sekarang bagaimana Parlimen sebagai satu Dewan Rakyat tidak sangat didedahkan kepada masyarakat. Kalau sekarang Laporan Parlimen hanya diberi 5 minit di dalam Berita Perdana dibandingkan dengan dahulu, yang mana seluruh persidangan Parlimen pada hari itu dilapor, nonsense Parlimen, bagaimana Ahli Parlimen bercakap, apa yang diperbincangkan, saya fikir perlu diadakan begitu balik, Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu cara untuk mendedahkan Ahli Parlimen kepada masyarakat. Bukan untuk mempopularkan sesiapa tetapi untuk memberi Ahli Parlimen tahu bahawa apa yang dia buat dalam Parlimen ini adalah apa yang dia buat. Bukan setakat mari, melihat dan juga berkelahi di antara satu sama lain dan kalau dahulu, Tuan Yang di-Pertua, di masa zaman di mana Pembangkang memainkan peranan yang constructive, yang memberi hujah-hujah kepada pihak Kerajaan, yang diapresiasi oleh pihak Kerajaan, dengan izin, pada masa itu Parlimen didedahkan kepada masyarakat. Mungkin 45 minit di dalam satu program di radio dan di televisyen yang mana segala apa yang berlaku dalam Parlimen pada hari itu dilaporkan.

Jadi, yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah apa yang berlaku dalam Parlimen akan terus berlaku, saya, selain daripada membangkang supaya diadakan kod etika di antara Ahli-ahli Parlimen yang mana cukup sepertimana yang disebut di dalam Standing Order ini, cuma saya hendak menyarankan agar kita perkuatkan kuasa Speaker di dalam mentadbir ataupun menguruskan kejadian-kejadian yang kita lihat dua, tiga hari dan hari ini sepertimana pihak

Speaker tidak ada kuasa langsung untuk mengeluarkan dengan lebih berkesan dan mententeramkan keadaan dengan lebih berkesan, dengan kuasa-kuasa yang explicit sepertimana yang mesti disebut di dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini. Saya cadangkan agar pihak Select Committee ataupun Tuan Yang di-Pertua sendiri membawa inisiatif ini agar kuasa Speaker diperkuatkan sepertimana yang diminta oleh setengah-setengah pihak.

Dengan itu, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua: Jerai.**

5.48 ptg.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Saraan Ahli-ahli Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,** pindaan sahaja.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Pindaan. Ya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen ini adalah satu tempat di mana di sinilah undang-undang kita digubal. Di sinilah Ahli-ahli Parlimen ataupun Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah dipilih dan diamanahkan oleh rakyat daripada bandar dan luar bandar untuk mewakili mereka, membela nasib untung mereka di bumi bertuah ini tetapi kita dapat melihat peristiwa-peristiwa yang berlaku di Dewan yang mulia ini begitu mencemar di mana saya sebagai Ahli Dewan Rakyat yang baru ini berasa amat terkejut dan kadang-kadang saya sendiri terturut-turut naik angin juga kerana mereka ini tidak menghormati Dewan yang mulia ini. Apatah lagi kadang-kadang tidak menghormati Tuan Yang di-Pertua yang diletakkan di tempat yang begitu baik untuk mengadakan persidangan ini.

Saya kira pihak Pembangkang ini patut berterima kasih di atas keadilan Tuan Yang di-Pertua memberi laluan untuk mereka bercakap dan setiap kali mereka bercakap, pandangan yang mereka keluarkan itu semata-mata untuk menyakitkan hati dan tiada langsung suara-suara yang membela nasib rakyat. Yang mengecewakan ialah orang ramai yang berada di luar Dewan ini, masyarakat yang berada di luar bandar, masyarakat yang berada di dalam kawasan bandar begitu juga murid-murid sekolah, mereka ini begitu menghormati Dewan dan saya masih teringat semasa di bangku sekolah, apabila seorang guru hendak membawa murid-murid melawat Dewan Negara ataupun Dewan Negeri, murid-murid ini begitu gembira dan kadangkala berasa takut kerana gerun hendak masuk ke dalam Dewan ini. Tetapi saya kira alangkah mengecewakan perasaan anak-anak murid ini apabila mereka melihat Wakil-wakil Rakyat yang dipilih terutama sekali saya tekankan, Wakil-wakil Rakyat Pembangkang yang tidak erti bahasa, tidak tahu bahasa dan tidak sopan duduk di dalam Dewan yang mulia ini dan menjalankan tanggungjawab tidak seperti yang dikehendaki oleh rakyat yang memilih mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan agar undang-undang ditambah supaya kuasa diberi kepada Tuan Yang di-Pertua untuk membenjarakan Ahli-ahli Yang Berhormat seandainya mereka mengingkari perintah daripada Tuan Yang di-Pertua, samalah seperti di mahkamah, contempt of court, dengan izin, maknanya mereka mengingkari arahan Mahkamah atau arahan Hakim, maka mereka itu boleh dipenjarakan. Ini sahaja jalan yang saya nampak boleh diletakkan puak-puak yang pekak ini supaya mereka faham buku Undang-undang Dewan ini. Kalau mereka ini tidak berubah juga, saya tiada apa-apa, elaun kita diturunkan balik pun tidak apa. Bila tiba masa elaun hendak dinaikkan, senyap sunyi, mereka keluar tidak mahu berbahas. Tetapi apabila hendak bergaduh, mereka mula buat perangai. Tuan Yang di-Pertua....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun di sana. Minta penjelasan?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit. Adakah kita perlu membuat penjara di Parlimen ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak buat jel di sini?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, puak-puak Pembangkang ini, taraf mereka ini, bubuh dalam kandang kerbau sahaja. (*Ketawa*) Kita buat satu kandang kerbau dekat Parlimen ini, bubuh kerbau jantan seekor, lepas itu masukkan terutama sekali Benggali yang tidak pakai sarban itu, (*Ketawa*) biar dia tahu bagaimana kerbau mengajarnya, selepas itu baru boleh beri dia masuk bersidang.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira kita di dalam Dewan Rakyat ini janganlah menghampakan harapan rakyat. Kita di sini untuk memperjuangkan hak rakyat. Rakyat keluar dengan harapan penuh semasa pilihanraya untuk meletakkan wakil-wakil mereka di Dewan ini agar nasib mereka dibela, agar Wakil-wakil Rakyat ini akan menyuarakan hasrat mereka terutama sekali rakyat yang berada di kawasan luar bandar dan saya kira kalaulah kita Wakil-wakil Rakyat yang begitu dihormati dengan kereta kita melambangkan Lambang Persekutuan, dihormati, tetapi kalau kelakuan kita tidak setaraf dengan kedudukan kita, maka ini akan mengecewakan orang-orang atau rakyat yang berada di dalam negara kita ini, apatah lagi dunia luar memandang kita begitu rendah, sedangkan Perdana Menteri kita pada masa ini disanjung oleh dunia sebagai seorang Perdana Menteri yang berdisiplin.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan elaun \$4,800 itu memanglah tidak cukup oleh kerana apabila kita menjadi Wakil Rakyat, terutama sekali Wakil Rakyat kampung macam saya ini, bila jadi seorang Wakil Rakyat, orang-orang kampung ingat Wakil Rakyat itu senang, depa hendak buat kenduri kita kena bawa keluar duit, anak depa hendak belajar di sekolah kita kena hulur duit. Depa.....

**Tuan Yang di-Pertua:** 'Depa' itu apa? (*Ketawa*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, 'depa' itu bahasa daerah sebelah Kedah sana. Di Kuala Lumpur dipanggil "mereka" ataupun "dia orang" pun boleh. Jadi serba serbi, bila anak-anak hendak masuk ke sekolah menengah, hendak masuk universiti, mereka ini akan datang menemui Wakil Rakyat disamping mengharapkan rekomendasi, tetapi kita juga kenalah hulurkan sedikit sebanyak untuk mereka sebelum balik.

Tuan Yang di-Pertua, kerana dapat \$4,800 bagi saya, alhamdulillah, saya bersyukur. Kalau kita tidak bersyukur, kufur nikmat dan Tuhan amat memarahi umatnya yang kufur nikmat. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh dinaikkan sedikit bagi cukup \$5,000 kalau boleh, kalau tidak boleh tidak apalah, Tuan Yang di-Pertua, sebab ini duit rakyat, bukan duit kita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang lain juga yang dihadapi oleh Wakil-wakil Rakyat ini ialah kita ini terutama sekali di sebelah luar bandar ini serba serbinya duduk di atas kepala kita. Bermacam-macam masalah orang-orang kampung akan diletakkan di atas kepala kita untuk kita menyelesaikan masalah. Saya kira kita perlu juga mendapat sedikit sebanyak lagi keistimewaan supaya Wakil-wakil Rakyat ini dapat menjalankan tugasnya

dengan begitu sempurna dan dengan begitu adil memenuhi kehendak dan keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Perua, kerana ada kawan-kawan sudah beri signal suruh saya berhenti kerana mereka hendak bercakap, tidak apalah, maklumlah Wakil Rakyat kampung ini bukan pandai sangat, tidak erti hendak bercakap tetapi masih belajar, walau bagaimanapun saya ingin sekali lagi menekankan kes penjara itu kita kena buat cepat-cepat. Kalau tidak, saya nampak mereka ini lain kali apabila bersidang akan jadi seperti ini juga, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita rasa tidak seronoklah. Kita datang ke sini bukan hendak cari gaduh, kalau hendak bergaduh, kita keluar daripada Dewan tunggulah di sana dan kita buka court, kita kira cara lain. Tetapi dalam Dewan ini kita kena hormat. Kita lihat semua pegawai-pegawai Kekrajaan ada dalam Dewan ini, sebab itulah RTM tidak mahu hendak rekod perbincangan kita, kalau dia hendak cerita fasal bergaduh sahaja dalam televisyen, lagi malu kita. Walau bagaimanapun yang baik-baik itu RTM kena masuklah kerana suara ini datang dari rakyat, bukan boleh main-main.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ucapan Jerai itu kena masuklah. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kenalah, Tuan Yang di-Pertua, kot, kot sekali lagi boleh gagah juga. Depa dok tanya "Apa Yang Berhormat dari Jerai pergi ke Kuala Lumpur tiada dengar apa-apa pun" Saya kata, "saya sudah cuba, tetapi tidak mahu keluar, hendak buat macam mana." (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, sebelum satu akhiri, saya menyokong usul ini dan marilah kita sama-sama berdoa dan mengharap supaya Wakil-Wakil Rakyat terutama sekali daripada pihak Pembangkang supaya menginsafi kedudukan mereka itu. Tuhan telah

meletakkan mereka, Tuhan telah mengamanahkan mereka untuk menjalankan tanggungjawab di dunia ini, jadi kalau mereka datang ke sini sekadar untuk hendak membangkang walaupun perkara itu perkara yang baik untuk masyarakat, ini adalah satu perkara yang saya kira tidak wajar. Tuhan tidak suruh mereka buat seperti itu. Mereka ini kenalah mendisiplinkan diri mereka, buat kerja elok-elok, walaupun mereka tidak ada, saya harap perkara ini boleh mereka baca dalam *Hansard* supaya mereka mengerti. Setengah daripada mereka sudah duduk dalam Dewan ini bertahun-tahun, sampai kita gantung pun tidak mati, keluar, masuk lagi. Sekali ini saya cadangkan supaya kita jerut di situ juga, bukan gantung keluar Dewan—gantung di depan Dewan baru puashati. Dia tidak faham perkataan "gantung" itu. Saya yang baru masuk inipun saya faham, jadi eloklah kita gantung sampai hujung tahun. Tahun ini kuranglah sedikit incomenya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahajalah ucapan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya sudah dengan berbilang-banyak ampun dan maaf seandainya ucapan saya ini terlanggar daripada disiplin dan cara-cara persidangan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.50 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa turut mengambil bahagian membahas Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Kerana sama juga dengan rakan-rakan saya yang lain dari Padang Terap dan juga Jerai sepertimana rintihan yang kita dengar sebagai anggota Dewan Rakyat tetapi lebih-lebih lagi saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, bersama Ahli Parlimen Arau yang memang kita

tidak dapat nafikan sering dimuatkan dalam berita-berita akhbar sekali-sekala bersabit dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam Dewan Rakyat ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak rintihan telah dibuat saya katakan tadi dan pindaan ini walaupun semata-mata hanya hendak membetulkan sedikit kesilapan teknik, tetapi yang pentingnya ialah mengenai kenaikan elaun Ahli Parlimen kepada sebanyak \$4,800. Elaun \$4,800 ini yang telah dibayar kepada Ahli Parlimen walaupun tidak seberapa dengan tanggungjawab tetapi elaun ini cukup besar ertinya kepada rakyat. Cukup besar erti dari segi kewajipan yang terpaksa dipikul oleh seorang anggota Dewan Rakyat. Yang terima ini bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen yang menyokong Kerajaan, Ahli-ahli Parlimen dari Pembangkang turut menerima faedah \$4,800 ini. Ada di kalangan Ahli Parlimen Pembangkang juga sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang juga kita diberitahu bahawa elaun Ahli Dewan Undangan Negeri turut naik. Bererti sebahagian besar daripada anggota DAP termasuk Ketua Pembangkang dan lain-lain menganggotai dua Dewan satu Dewan Rakyat, satu Dewan Undangan Negeri. Kalau \$4,800 di Dewan Rakyat, seperti Ketua Pembangkang ada \$2,000 sebagai elaun Ketua Pembangkang, berjumlah \$6,800, dengan elaun Ahli Dewan Undangan Negeri, beliau menerima hampir \$10,000 satu bulan. Dan elaun yang dia terima ini tidak lebih daripada untuk datang buat huru-hara di Dewan Rakyat ini. Rakyat mesti tahu apakah wajar wang yang telah diberi dibayar kepada orang-orang seumpama ini memadai hasil titik-peluh rakyat dengan jumlah yang demikian.

Anggota Dewan Rakyat yang menyokong Kerajaan tidak mendapat sebanyak anggota daripada golongan Pembangkang. Rakyat kena tahu dan mesti diberitahu apakah memadai

dengan tidak ada tanggungjawab kecuali semata-mata datang untuk menggagalkan perjalanan Dewan Rakyat. Ini yang berlaku sekarang ini. Dan seolah-olah rakyat menggambarkan kepada kita, kita ini golongan yang seolah-olah tidak bertanggungjawab di Dewan Rakyat ini. Seperti Yang Berhormat daripada Arau, saya waktu sekali-sekala bercakap bila timbul pertelingkahan di kalangan sesama dengan ahli DAP dan dibuatnya berita sedemikian rupa terutama di dalam suratkhbar berbahasa Tionghua lagi dahsyat, Tuan Yang di-Pertua. Mereka ini memang hendak cari publisiti, hendak cari political mileage. Tetapi kesannya kepada rakyat. Dan semua ini berlaku kerana provokasi.

Kita memang, kalau orang bertindak liar tidak bererti kita perlu bertindak liar. Orang kurang ajar, kita tidak bererti menjadi kurang ajar. Tidak sepatutnya kita bertindak demikian. Kalau orang liar, biar dia liar. Kalau dia kurang ajar, biar dia kurang ajar kita jangan ikut terlibat sama.

Tetapi masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, bila mereka ini bertindak demikian bagaimana kita dalam Dewan ini hendak menjalankan mesyuarat? Macam mana? Sebab itu dengan Pembangkang ini saya minta rakyat faham ataupun kakitangan Kerajaan yang hadir sepanjang persidangan Dewan faham. Kadang-kadang kita terpaksa bertindak demikian kerana kalau tidak kita yang golongan majoriti ataupun yang ramai ini yang menyokong Kerajaan seolah-olah boleh dipermainkan, diperbudakkan, diperkotak-katikan. Seolah-olah kita tidak ada maruah, seolah-olah kita tidak ada harga diri. Seolah-olah kita tidak mampu mempertahankan sistem perjalanan dan mempertahankan Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat. Tidak ada harga diri langsung. Sebab itu kadang-kadang terpaksa kita membalas balik provokasi mereka ini semata-mata untuk menyedarkan mereka ini bahawasanya

kalau mereka mengganggu, kita boleh mengganggu. Walaupun kita bertindak sebagaimana menjawab provokasi mereka, saya kira tindakan kita itu adalah bertempat kerana orang seumpama ini mesti diajar dengan cara yang demikian.

Manusia yang dianggap sudah bertamadun, berpendidikan seperti di kalangan pembangkang yang tidak tahu menghargai kebebasan yang kita nikmati dalam negara kita ini dalam perjalanan Dewan Rakyat ini sewajarnya diberi ataupun diambil tindakan sewajarnya.

Saya menyokong saranan daripada rakan saya daripada Jerai. Disebut soal memenjarakan. Apabila kita dengar kita boleh ketawa. Tetapi sebenarnya cadangan ini bukan luar biasa, Tuan Yang di-Pertua.

Saya difahamkan di Singapura, Dewan Parlimen Singapura memang ada peraturan seumpama ini. Baik, kita sudah beri rintihan. Kita minta Tuan Yang di-Pertua tegas. Memang kita tahu Tuan Yang di-Pertua tegas. Tetapi dalam tegas sebagai Tuan Yang di-Pertua, memang menunjukkan sifat, budibicara dan kelembutannya. Kita katakan peraturan sudah lengkap, tetapi kalau kita lihat daripada apa yang berlaku, mereka mengambil kesempatan daripada kelonggaran ataupun mungkin kelemahan dalam peraturan yang ada dan juga mengambil kesempatan di atas budi baik atau budibicara dan hemah tinggi Tuan Yang di-Pertua. Mereka ambil kesempatan ini.

Sebab itu di Singapura tidak diizinkan perkara seumpama ini. Saya difahamkan di Singapura memang Ahli Dewan Rakyatnya boleh dipenjarakan kalau mereka bertindak liar. Baik, kita boleh pinda Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat. Peraturan yang dikatakan sudah lengkap. Tetapi dari segi pelaksanaannya bagaimana? Sebagai contoh, apabila digunakan Peraturan 44(2)

diarah Ketua Pembangkang keluar, dia kena gantung dalam Dewan ini, dia tidak boleh masuk lagi dalam Dewan ini sehingga tamat mesyuarat, tetapi dia masuk dalam Dewan. Hendak tunjuk betapa angkuhnya dia, hendak tunjuk betapa, kalau Kelantan disebut "Gedebe". Hendak mencabar seluruh kemuliaan Dewan ini. Dia tahu dia kena gantung. Ada peraturan dia kena gantung, tetapi dia boleh masuk melangkah secara yang haram. Mana maruah kita sebagai anggota Dewan Rakyat yang tidak boleh mempertahankan peraturan ini? Tentulah timbulnya haru-biru tadi. Timbulnya huru-hara yang disebutkan tadi sehingga Dewan terpaksa ditangguhkan. Baik, Peraturan yang ada yang mengatakan yang boleh mengeluarkan ialah Bentara. Tetapi hanya setakat untuk mengiringi dia keluar. Disebut "dari segi kekerasan". Apa maksudnya? Kalau salah bertindak, mungkin pihak-pihak tertentu menyalahkan kumpulan yang lain. Jadi, ertinya saya ingin mencadangkan Peraturan ini mesti dipinda, Tuan Yang di-Pertua.

Saya menyokong apa juga saranan bahawa Peraturan Dewan Rakyat mesti dipinda dan mengikut apa yang telah dibuat di Parlimen Singapura. Memang boleh dipenjarakan sebab perkara ini penting. Kita hendak lulus satu Rang Undang-undang ataupun meminda undang-undang yang ada kaitan dengan rakyat. Kalau Rang Undang-undang ini terbantut, kerja-kerja Menteri terbantut, tugas kita semua terbantut, akhir sekali yang menerima malapetaka ialah rakyat. Kalau ini tidak dapat kita laksanakan, haram kita terima elaun Ahli Parlimen ini. Kita dibawa oleh rakyat ke Dewan Rakyat ini untuk bertanggungjawab kepada rakyat. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka menunjukkan sifat tidak baik, walaupun ini penggal yang kedua, saya tahu sangat ragam mereka, memang kadang-kadang hilang kesabaran. Bila kita hilang kesabaran itu tidak bererti kita orang yang tidak ada

budi bahasa, orang yang tidak ada sifat-sifat keilmuan yang tinggi, tidak berakhlak dan tidak bermoral. Tetapi kalau kita tidak ajar seumpama itu, maka sampai bilapun mereka tidak faham. Mereka mengambil kesempatan di atas kelembutan dan hemah tinggi di kalangan pemimpin-pemimpin Kerajaan termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri. Sebab itu saya menyokong saranan yang dibuat oleh Ahli dari Parlimen Padang Terap dan juga dari Jerai sahabat saya tadi bahawa Peraturan ini mesti dipinda-mesti dipinda.

Saya sudah mula mahu menyokong dengan secara tegas. Sudah sampai masanya kalau hendak ditunjuk kepada rakyat kalau ada siaran terus-menerus pun, elok biar Radio dan Television Malaysia menunjuk persidangan Dewan Rakyat ini kepada rakyat. Sekurang-kurangnya rakyat dapat tahu siapakah sebenarnya yang tidak bertanggungjawab ini, yang melakukan angkara ini, yang menimbulkan huru-hara ini, dan wajarkah rakyat memilih mereka duduk di dalam Dewan ini dengan gaji \$4,800, anggota Dewan Undangan Negeri lagi. Dua Dewan mereka menganggotai hampir \$10,000 seorang dengan wang titik-peluh rakyat untuk datang buat huru-hara di dalam Dewan Rakyat ini. (*Tepuk*)

Saya memang hendak menyatakan terus terang, memang ada waktu-waktunya saya hilang sabar betul. Hilang sabar kerana mereka buat itu seolah-olah yang lain itu langsung tidak ada harga diri. Tidak ada maruah langsung. Dia hendak buat itu sesuka hati dia buat. Orang bercakap dia bising, perli orang, lepas itu tiba-tiba sahaja menuduh, orang itu buat tanda ini, orang itu bercakap tidak senonoh. Manakala mereka yang buat. Ini yang dikatakan 'the reverse propaganda' punya teknik. Reverse propaganda punya teknik ini mesti diketahui, yang dibuat oleh DAP, hanya sekadar hendak merendahkan martabat pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokong Kerajaan. Sebab mereka tidak ada pilihan lain, mereka tidak ada

ruang yang lain untuk mencari publisiti, maka mereka menggunakan teknik reverse propaganda punya taktik, iaitu dia buat, dia kata orang lain buat. Kita tengok bagaimana gelagat pada hari ini. Hampir satu jam lebih Dewan Rakyat tertangguh. Kerana apa, kerana perbuatan mereka. Dan memang kita tidak mahu Dewan ini terjadi seperti di Taiwan. Seperti di Turkey dan di sesetengah negara. Kita cukup dihormati. Kerana itulah kita hendak jaga kemuliaan Dewan ini.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada orang menyebut bahawa ada sesetengah anggota Dewan Rakyat Pembangkang yang melampau, maka kita bertindak menerima provokasi itu, saya kira provokasi yang kita terima itu adalah bertempat. Kalau orang kata kurang ajar, kurang ajar cara bertempat, kalau orang kata kurang adab, kurang adab bertempat. Kena pada tempatnya. Sebab kadang-kadang mereka yang seumpama ini, mesti diajar demikian. Peraturan tidak cukup. Sebab itu saya menyokong cadangan rakan-rakan saya tadi, Ahli-ahli Dewan daripada Padang Terap dan Jerai supaya dipinda dengan lebih tegas dan juga dari segi pelaksanaannya. Sekarang ini orang luar tidak boleh ganggu Persidangan Dewan Rakyat. Kalau hendak mengeluarkan seorang anggota Dewan Rakyat terutamanya Ketua Pembangkang, sebagai contoh, Bentara ataupun Pegawai-pegawai Parlimen.

Sudah sampai masanya diizinkan Pasukan Keselamatan boleh memasuki Dewan ini, dibenarkan dari segi peraturan, saya minta dan saya cadangkan supaya mereka boleh membantu, supaya dapat mengeluarkan anggota Dewan yang tidak bertanggungjawab bagi menjamin perjalanan Dewan ini boleh berjalan dengan lancar. Kalau tidak saya jangkakan mereka tidak akan berhenti di sini. Persidangan akan datang akan terus diambil kesempatan sehinggalah sampai bila-bila. Sebab mereka mesti mencari peluang seumpama ini. Cuma yang

malang, parti PAS dengan DAP. Parti PAS dengan DAP, terutamanya PAS yang selama-lamanya mereka mengatakan tidak ada hubungan dengan DAP, malahan PAS ini pula sanggup menegur parti Kerajaan, pihak Kerajaan, mengkritik, menegur, kalau ada yang tidak betul. Dan depan mata-kepala PAS sendiri tindak tanduk parti DAP boleh dikatakan un-Islamic. Tidak ada moral dari segi Islam. Mengapa pemimpin PAS tidak sanggup menegur pemimpin-pemimpin DAP. Sama juga dengan 46. Malah bila DAP keluar, PAS pun ikut keluar sama. Inipun rakyat kena tahu dan kena diberitahu bahawa sepatutnya mereka ini juga menegur supaya kita dapat menjaga peradaban dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini menyatakan setinggi-tinggi terima kasih di atas peluang ini dan lebih-lebih lagi kepada kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua mengendalikan perjalanan Dewan Rakyat walaupun timbul banyak kali ketegangan tetapi dengan bijaksana dan budibicara Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat kita tetap berjalan dengana lancar dan insya Allah kita percaya ianya akan terus seumpama ini sampai bila-bila. Sekian, terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.04 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan tentang peranan Ahli Parlimen, Kod Etika dan peraturan mesyuarat. Saya rasa pihak Kerajaan akan mengambil kira pada pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan untuk membuat satu-satu untuk mempertingkatkan lagi imej Parlimen kita.

Masalah sebenarnya pada petang ini ialah untuk kita membetulkan kesilapan yang berlaku untuk pindaan yang telah dibuat pada sidang yang lalu iaitu untuk membetulkan versi Bahasa Malaysia yang tertinggal perkataan \$4,800 itu. Saya harap dapat kita sempurnakan perkara ini dengan secepat mungkin supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menerima elaun-elaun baru itu dan tanpa melengahkan masa lagi saya sekali lagi memohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Jadual 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

6.07 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Rang Undang-undang ini dibuka untuk dibahaskan, sukacitalah saya mengambil peluang ini untuk menerangkan latarbelakang dan tujuan-tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, undang-undang yang digubal menerusi Dewan yang mulia ini adalah untuk faedah kepada rakyat dan negara. Undang-undang merupakan landasan yang perlu dipatuhi supaya hak dan kepentingan seseorang atau badan dapat dijaga. Oleh itu, dalam konteks pengurusan tanah, undang-undang yang sesuai dengan kehendak-kehendak pembangunan dan dasar negara perlu diadakan. Undang-undang yang ada perlu dikemaskinikan dari semasa ke semasa dengan mengadakan pindaan-pindaan tertentu bagi memenuhi keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk meminda Kanun Tanah Negara pada kali ini telah dimulakan sejak tahun 1985. Berbagai-bagai pandangan telah dikaji menerusi beberapa Jawatankuasa tertentu, sehinggalah terhasilnya Rang Undang-undang seperti yang dicadangkan sekarang. Pindaan pada kali ini agak menyeluruh. Ianya meliputi dari mengemaskinikan beberapa takrif, bidang-bidang kuasa, perlantikan beberapa jawatan, perkara-perkara bersangkutan dengan pengukuran tanah hinggalah kepada perkara-perkara baru seperti pengkomputeran dan penerapan nilai-nilai Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang menyentuh satu persatu pindaan-pindaan yang telah dibuat kerana ia akan mengambil masa yang terlalu panjang. Saya hanya akan, dengan izin, highlights' beberapa perkara yang penting sahaja. Pindaan pertama yang ingin saya utarakan ialah bersangkutan dengan dasar penswastaan Kerajaan iaitu di bawah Bahagian 30, yang diganti baru supaya tindakan perletakhakan harta kepunyaan Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan dapat

dilakukan dengan mudah apabila sesuatu Jabatan Kerajaan diswastakan. Pindaan yang dicadangkan adalah merangkumi:

Pertama, orang yang layak memohon telah diperluaskan kepada, dengan izin, "A transferee, or a person lawfully entitled to do so on his behalf."

Kedua, ialah perkara yang boleh dipohon di bawah bahagian ini diperluaskan kepada semua kepentingan yang berdaftar atau yang boleh didaftarkan atas tanah itu ataupun dokumen-dokumen mengenai hak, dengan izin, "documents of entitlement" seperti lesen, permit dan lain-lain juga diambil kira.

Tatacara memproses permohonan perletakhakan telah disusun semula dan ianya lebih mudah dan cepat. Di bawah cadangan ini proses letakhak mengikut cara-cara yang ditetapkan akan terus dibuat apabila Pendaftar berpuas hati yang kepentingan-kepentingan di atas tanah itu boleh diletakhak kepada penerima pindah milik mengikut undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam permohonan itu. Tatacara ini digubal setelah mengambilkira keadaan yang berlaku masakini terutama dalam hal penswastaan, di mana apabila satu-satu agensi Kerajaan diswastakan, beberapa bentuk pemilikan tanah dan hak-hak di atas tanah perlu diletakhakan kepada badan (syarikat) yang diwujudkan itu untuk mengambil alihnya. Di samping itu, tanah-tanah wakaf yang terdiri daripada berbagai-bagai jenis dan cara-cara mewakafkannya akan dapat diletakhakan dengan mudah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penerapan nilai-nilai Islam pula, pindaan kepada Kanun ini melibatkan tiga faedah utama. Pertamanya, dengan adanya peruntukan Bahagian Tiga Puluh, ianya akan memudahkan tanah-tanah wakaf diletakhakan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Pada masa ini tanah-tanah wakaf didaftarkan atas

nama Majlis Agama Islam adalah melalui pindahmilik (Borang 14A) ataupun tanah tersebut diserahkan kepada Kerajaan dan pihak Majlis Agama Islam memohonnya dari Kerajaan. Kedua-dua kaedah tersebut melibatkan perbelanjaan dan juga masa. Tetapi dengan adanya peruntukan di bawah Bahagian Tiga Puluh yang diganti baru ini maka tanah-tanah wakaf tersebut boleh diletakhakan terus kepada Majlis Agama Islam

Keduanya, pindaan kepada seksyen 249 memberi pilihan kepada orang ramai supaya urusan gadaian tidak dikenakan "faedah". Ini adalah selaras dengan konsep urusniaga dalam Islam.

Dan ketiganya, pindaan kepada Kanun ini telah mentakrifkan "Court" termasuk Mahkamah Syariah. Ini adalah selaras dengan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan Perkara 121(1A), yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah menguruskan perbicaraan berkaitan dengan hukum Islam. Tanpa pindaan ini Pentadbir-pentadbir Tanah atau Pendaftar tidak boleh mendaftarkan perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah, seperti perintah mengenai harta sepencarian kerana takrif "Court" hanya bermaksud Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, urusan kelewatan pendaftaran tanah seringkali dibangkitkan oleh orang ramai. Kelewatan ini telah mencerminkan ketidakcekapan Pejabat-pejabat Tanah. Bagi memperbaiki kelemahan tersebut, maka Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer telah dicadangkan untuk dilaksanakan iaitu di bawah Bahagian Satu (A). Dengan adanya peruntukan ini maka urusan pendaftaran hakmilik dan urusniaga tanah akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan dari segi jangka panjangnya ianya akan dapat menjimatkan tenaga pekerja dan juga kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, isu pemilikan tanah oleh bukan warganegara atau syarikat asing sering juga dibangkitkan. Pada masa ini mereka bebas untuk memiliki semua kategori tanah di negara ini. Oleh itu pindaan kepada Kanun Tanah Negara kali ini telah mengadakan sekatan terhadap pemilikan tanah kepada warganegara atau syarikat asing seperti yang terdapat di bawah Bahagian Tiga Puluh Tiga (A), di mana tanah-tanah di bawah kategori "Pertanian" dan "Bangunan" perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Bagi tanah di bawah kategori industri sekatan tidak dikenakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan yang sedemikian pernah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun 1985 menerusi Akta A587 yang berkuatkuasa mulai 25 Mac 1985 di mana tanah-tanah di bawah kategori pertanian adalah dihalang untuk dimiliki oleh warganegara asing atau syarikat asing. Bagi tanah berkategori bangunan perlu mendapatkan kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri manakala tanah berkategori industri adalah bebas dimiliki. Walau bagaimanapun, oleh kerana negara mengalami kemelesetan ekonomi selepas itu dan untuk mewujudkan suasana pelaburan yang positif yang terdapat di negara ini bagi bersaing dengan negara-negara lain maka sekatan tersebut telah dimansuhkan menerusi Akta A658, yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1987.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan menyentuh sedikit mengenai beberapa fasal yang penting di dalam Rang Undang-undang untuk meminda Kanun Tanah Negara.

Rang Undang-undang ini mengandungi 77 fasal. Fasal-fasal tersebut melibatkan perkara-perkara utama dan juga pindaan susulan. Di sini izinkan

saya menerangkan dengan ringkas akan kandungan fasal-fasal utama seperti berikut:

*Fasal 2*—diwujudkan bagi menyelaraskan atau mengemaskinikan:

- (a) Panggilan “Director General of Survey” dengan panggilan “Director General of Survey and Mapping” supaya sejajar dengan panggilan jawatan yang sebenar sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah? Jikalau panjang lagi, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri mengemukakan satu Usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan. Dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul yang berbunyi:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga

semua sekali urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan. Dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan. Dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

### RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

*Perbahasan disambung semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila sambung.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 2:*

- (b) Memberi nombor semula kepada Borang supaya selaras dengan Bahagiannya dan memudahkan pengenalannya.

*Fasal 4*—Meminda takrif dan mewujudkan beberapa takrif baru di bawah seksyen 5 misalnya takrif “agriculture”.

*Fasal 5*—Mewujudkan Bahagian baru, dengan izin, “Part One (A)—computerized land registration system” dan juga Jadual Keempatbelas. Bahagian baru ini membolehkan penggunaan komputer dalam urusan

pendaftaran tanah. Ia memberi kuasa kepada Menteri menentukan tarikh pelaksanaan Sistem Pendaftaran Tanah menerusi komputer di negeri-negeri Semenanjung Malaysia selepas mendapat persetujuan Majlis Tanah Negara dan juga membuat pengubahsuaian kepada borang-borang di dalam Jadual keempatbelas bagi memudahkan pendaftaran tanah menerusi komputer ini dilaksanakan.

*Fasal 7*—Seksyen 12(1)(b) dipinda dengan memasukkan perlantikan Penolong kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri.

*Fasal 8*—Seksyen 13 dipinda dengan diolah semula peruntukannya supaya ianya jelas dan senang dilaksanakan. Di samping itu, ditentukan juga supaya Pihak Berkuasa Negeri sahaja yang boleh melupuskan tanah dalam lingkungan 50 meter daripada, dengan izin, "spring". Ini adalah untuk memelihara sumber yang penting ini.

*Fasal 9*—Seksyen 14 dipinda bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan untuk mengkompaun beberapa kesalahan tertentu di bawah Kanun Tanah Negara.

*Fasal 11*—Seksyen 35 dipinda bagi membolehkan seseorang Pentadbir Tanah yang lain menyambung dan meneruskan percabangan akibat daripada kematian, pertukaran atau keuzuran Pentadbir Tanah yang mengendalikan kes tersebut. Ini bagi mengelakkan pembaziran masa dan kelambatan.

*Fasal 14*—Mewujudkan seksyen baru 46A bagi membolehkan pengembalian syer tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri didaftarkan atas nama mana-mana badan berkanun yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri. Dengan cara ini diharapkan harta tersebut dapat diuruskan dengan berkesan.

*Fasal 15*—Seksyen baru 61A diwujudkan bagi mengatasi masalah untuk melaksanakan kerja-kerja seperti pemasangan, pembaikan dan penyenggaraan longkang, pembentung, paip dan kabel apabila persetujuan pemilik tanah atau orang yang berkepentingan di atasnya gagal diperolehi.

Di bawah cadangan ini orang perseorangan atau syarikat swasta boleh mengemukakan permohonan kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk mendapatkan perintah bagi menjalankan kerja. Selepas membuat penyiasatan dan berpuas hati, Pengarah Tanah dan Galian akan mengeluarkan perintah sama ada membenarkan kerja-kerja seperti yang dipohonkan dijalankan atau tidak. Kiranya pemohon gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, Pengarah Tanah dan Galian boleh mengarahkannya memberhentikan kerja-kerja tersebut dan mengembalikan tanah seperti keadaan asal. Kiranya terdapat kerosakan, bayaran pampasan hendaklah dibuat kepada pemilik tanaman atau tuanpunya tanah yang terlibat.

*Fasal 17*—Seksyen baru 68A diwujudkan bagi membolehkan Pentadbir Tanah Daerah memungut deposit apabila Lesen Pendudukan Sementara (Borang 4A) diluluskan. Ini adalah untuk memastikan tanah itu dibaikpulih jika tanah itu dirosakkan.

*Fasal 19*—Seksyen 76(aa)(i) dipinda bagi membolehkan Kerajaan Negeri membermilik tanah untuk selama-lamanya kepada Kerajaan Persekutuan. Pindaan yang dicadangkan ini adalah selaras dengan pindaan kepada Perkara 83(8) Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 22*—Seksyen kecil (4) kepada seksyen 115 dipinda bagi tujuan menghadkan pembinaan bangunan kediaman di atas tanah pertanian. Dengan itu diharapkan

tanah-tanah pertanian tidak akan hilang pengenalannya sebagai tanah pertanian. Di samping itu, pindaan ini memastikan yang kilang-kilang yang didirikan di atas tanah itu adalah untuk memproses bahan keluaran dari tanah yang berkenaan sahaja.

*Fasal 23*—Seksyen 117 dipinda bagi melengkapkan aktiviti-aktiviti yang boleh dimasukkan di bawah kategori industri. Pindaan juga dibuat bagi menghadkan penggunaan bangunan yang didirikan untuk tuanpunya tanah kepada mereka yang tertentu sahaja seperti pekerja-pekerja kilang dan lain-lain.

*Fasal 25*—Paragraf (a) seksyen kecil (6) kepada seksyen 129 diganti dengan yang baru untuk membolehkan Pihak Berkuasa Negeri melantik orang-orang perseorangan atau badan untuk menguruskan tanah-tanah terbiar. Dalam keadaan sekarang hanya Pihak Berkuasa Negeri sahaja yang boleh menjalankan usaha-usaha remedi ke atas tanah-tanah yang melanggar syarat dan diambil tindakan, dengan izin, "temporary possession".

*Fasal 26*—Seksyen 137 dipinda supaya pelan tanah yang dikemukakan hendaklah jenis pra pengiraan, dengan izin, "pre-computation plan". Ini adalah untuk menentukan pengukuran tanah yang lebih tepat.

*Fasal-fasal 27 dan 28*—Seksyen 140 dan 141 dipinda bagi membolehkan pecah bahagian tanah yang dipunyai oleh lebih dari dua orang supaya hakmilik dapat dikeluarkan kepada setiap orang tuanpunya bersama itu ataupun kepada beberapa orang tuanpunya mengikut syer masing-masing. Peruntukan sekarang hanya boleh dikeluarkan kepada setiap tuanpunya tanah sahaja.

*Fasal 31*—Seksyen 181 dipinda supaya menjadi tanggungjawab Pentadbir Tanah mengemukakan permohonan ukur kepada Pengarah Ukur sebelum hakmilik sementara dikeluarkan.

*Fasal 33*—Seksyen 195 dipinda bagi membolehkan penyerahan hakmilik tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri tanpa menentukan maksudnya.

*Fasal 34*—Seksyen 196 dipinda bagi menyatakan syarat untuk meluluskan penyerahan tanah bagi mengelakkan Pihak Berkuasa Negeri menanggung apa-apa beban akibat daripada penyerahan tanah tersebut.

*Fasal 42*—Seksyen 205 dipinda bagi membolehkan tanah kepunyaan bersama dipindah milik kepada tuanpunya bersama yang lain dalam tanah yang sama walaupun keluasannya kurang daripada 2/5 hektar.

*Fasal 43*—Seksyen 217 dipinda bagi membolehkan syer seseorang tuanpunya tanah itu disatukan berikutan dengan pemindahan syer daripada tuanpunya yang lain.

*Fasal 44*—Seksyen 249 dipinda dengan menambahkan perkataan, dengan izin, "if any" selepas perkataan, dengan izin, "interest thereon" di perenggan (a) seksyen kecil (1). Ini akan membolehkan gadaian dibuat tanpa melibatkan faedah.

*Fasal 45*—Seksyen 268 dipinda dengan memasukkan perkataan, dengan izin, "if any" selepas perkataan, dengan izin, "any interest then due" dalam perenggan (a) kepada subseksyen (2). Dengan adanya pindaan ini maka ia memberi peluang supaya pembayaran wang jualan kepada pemegang gadaian dibayar tanpa dimasukkan unsur-unsur faedah. Cadangan ini adalah selaras dengan konsep urusniaga dalam Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal-fasal 51 hingga 56—Fasal-fasal tersebut berkaitan dengan kerja-kerja Jabatan Ukur yang melibatkan pindaan dan

pengwujudan beberapa seksyen baru. Di antara pindaan-pindaannya adalah seperti berikut:

- (a) Mewujudkan seksyen baru 398A berhubung dengan tugas juruukur berlesen untuk menyempurnakan kerja-kerja ukur dan mendepositkan data-data ukur kepada Pengarah Ukur Negeri. Ini bagi memastikan kerja-kerja ukur yang dijalankan oleh juruukur berlesen dijalankan dengan sempurna.
- (b) Mewujudkan seksyen 400A (baru) iaitu berhubung dengan kesalahan orang yang menjalankan kerja-kerja mengukur tanah tanpa diberi kuasa.
- (c) Mewujudkan seksyen 404A (baru) iaitu menetapkan prosidur bagi permohonan untuk mengubah, dengan izin, "survey reference mark" untuk menjalankan kerja-kerja tertentu. Ini bertujuan menyenangkan Pengarah Ukur untuk mengambil tindakan ke atas permohonan yang dikemukakan.
- (d) Mewujudkan seksyen 405A (baru) bagi menetapkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengganti tanda sempadan yang hilang, diubah atau lain-lain. Ini menyenangkan pegawai-pegawai dan kakitangan mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 58 ialah untuk menggantikan Bahagian Tiga Puluh, dengan izin, "Statutory Vesting" yang didapati tidak mencukupi untuk diselaraskan dengan konsep pen-swastaaan Kerajaan.

Seksyen baru 415 memperuntukkan tatacara bagi permohonan pendaftaran

sesuatu perletakhakan statutori bagi kepentingan berdaftar atau kepentingan yang boleh didaftarkan mengenai tanah.

Seksyen baru 416 memperkatakan tentang tatacara penggantian pemindah dengan penerima pindahan dalam sesuatu dokumen mengenai hak. Seseorang "penerima pindahan" ditakrifkan sebagai orang yang untuknya perletakhakan statutori disempurnakan, sementara seseorang "pemindah" ialah orang yang daripadanya perletakhakan statutori disempurnakan untuk seseorang penerima pindahan. Sesuatu "dokumen mengenai hak", dengan izin, "documents of entitlement" ertinya sesuatu pajakan, lesen, permit, lesen dan permit yang digabungkan, permit ruang udara atau kelulusan mengguna tanah di bawah tanah.

Seksyen baru 416A memperuntukkan perekodan atau perizaban tanah untuk seseorang penerima pindahan, sementara seksyen baru 416B adalah mengenai tanah yang terkandung di bawah Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan. Tanah sedemikian boleh diduduki, digunakan, dikawal dan diuruskan oleh penerima pindahan atau diberimilik kepadanya.

Seksyen baru 416C adalah mengenai peruntukan berkaitan dengan pengendorsan ke atas dokumen hakmilik daftaran akan hak penerima pindahan menduduki atau menggunakan mana-mana bahagian tanah berimilik jika perletakhakan statutori bagi hak tersebut pada penerima pindahan telah berkuatkuasa.

Seksyen baru 416D adalah mengenai peruntukan bagi penerima pindahan mengambilalih permohonan yang telah dibuat oleh pemindah dan mengambilalih prosiding yang pemindah menjadi satu pihak.

Seksyen baru 416E pula memperuntukkan tatacara bagi pengeluaran dokumen hakmilik keluaran atau

dokumen mengenai hak yang baru jika penerima pindahan tidak boleh mengemukakan dokumen hakmilik keluaran atau dokumen mengenai hak.

*Fasal 59*—Cadangan seksyen baru 421A ini mentakrifkan “Court” di bawah seksyen 417 dan 420 termasuk Mahkamah Syariah. Ini bagi membolehkan Pendaftar atau Pentadbir Tanah mengambil tindakan terhadap mana-mana keputusan Mahkamah Syariah yang ada kaitannya dengan urusan pendaftaran tanah.

*Fasal 60*—Mewujudkan bahagian baru iaitu Bahagian Tiga Puluh Satu (A), dengan izin, “Power of Investigation”. Bahagian ini mengandungi tiga seksyen (seksyen 421AA, 421AB dan 421AC) yang memberikuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah Daerah untuk menyiasat, memanggil dan memeriksa saksi-saksi. Kuasa ini diperlukan bagi memudahkan Pengarah Tanah dan Galian atau Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah menjalankan pendakwaan di mahkamah.

*Fasal 61*—Bertujuan meminda seksyen 422 iaitu mengadakan peruntukan bagi kesalahan dengan menyedari memberi apa-apa maklumat palsu atau membuat apa-apa kenyataan palsu berhubung dengan apa-apa penyiasatan mengenai perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Kanun ini.

*Fasal 62*—Bertujuan meminda seksyen 424 bagi mengadakan peruntukan kesalahan kerana gagal tanpa sebab untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh Pengarah Ukur di bawah seksyen baru 398A. Penalti bagi kesalahan ini ialah denda tidak melebihi lima ribu ringgit, atau penjara bagi tempoh tidak melebihi enam bulan, atau kedua-duanya.

*Fasal 63 dan 64*—Bertujuan untuk meminda seksyen 425 dan 426 bagi mengadakan penalti kerana kesalahan menduduki secara haram di atas tanah Kerajaan, mengambil atau mengangkut bahan batu tanpa kebenaran.

*Fasal 70*—Seksyen 429A dipinda bagi membolehkan Pengarah Tanah Galian melantik mana-mana pegawai bagi menjalankan pendakwaan. Ia juga membolehkan Pengarah Ukur menjalankan pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen 400 dan 403.

*Fasal 71*—Bertujuan memasukkan seksyen baru 429B mengenai kuasa kepada Pengarah Tanah Negeri atau Pentadbir Tanah mengkompaun mana-mana kesalahan yang telah ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun. Jumlah maksimum kompaun ialah lima ratus ringgit.

*Fasal 72*—Mewujudkan seksyen baru 431A mengenai tatacara menyampaikan notis kepada tuanpunya tanah yang telah meninggal dunia. Di bawah cadangan ini notis boleh disampaikan kepada mana-mana waris simati yang dewasa ataupun dihantar secara pos kepada pentadbir harta simati, official administrator, dengan izin. Ini bagi membolehkan urusan berhubung dengan tanah berkenaan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 73—Fasal ini adalah mewujudkan peruntukan baru di bawah Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) yang berkaitan dengan sekatan terhadap pemilikan tanah kepada bukan warganegara atau syarikat asing. Bahagian baru ini menentukan supaya tanah-tanah di bawah kategori pertanian dan bangunan yang hendak dimiliki oleh bukan warganegara atau syarikat asing perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Bagi tanah di bawah kategori industri tidak ada sekatan.

**Timbalan Yang di-Pertua**  
(*mempengerusikan Mesyuarat*)

*Fasal 75*—Meminda Jadual Pertama supaya nombor kepada borang-borang berkenaan adalah mengikut bahagiannya di dalam Kanun Tanah Negara dan juga bagi memperkemaskan borang-borang yang terdapat di dalam Kanun ini.

Akhirnya ialah Fasal 77. Fasal ini ialah mengenai Jadual baru Keempatbelas iaitu berhubung dengan tatacara pelaksanaan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer atau, dengan izin, Computerized Land Registration System.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

6.34 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam saya menyokong Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara ini, saya cuma untuk mencatatkan sebagai rekod bahawa sewaktu Rang Undang-undang ini diperbincang dan diperbahaskan dalam Dewan ini tidak ada seorang pun anggota Pembangkang yang hadir termasuk ketuanya, termasuk Presiden parti-parti Pembangkang yang lain. Ini menunjukkan dan membuktikan bahawa mereka memang dari golongan yang hanya dan pintar memutar-belitkan dan mengeksploitasi isu-isu yang hanya mendatangkan kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, pada lebih kurang dua minggu yang lalu, seorang Ahli Parlimen kita, iaitu Ahli Parlimen dari Gua Musang telah turun ke Johor Bahru dan membuat tuduhan-tuduhan liar mengenai pentadbiran tanah yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri. Di antara tuduhannya bahawa Kerajaan Negeri Johor telah menggadaikan sebilangan besar tanah-tanah di Johor khususnya di Johor Bahru kepada rakyat asing. Dan oleh kerana itu, perkara ini dijadikan bahan hasutan supaya Kerajaan Negeri, Kerajaan Barisan Nasional terus dimusuhi, supaya Kerajaan ini terus dihuru-harakan dan diharubirukan. Dan pada hari ini saya ingin sekali lagi dicatatkan bahawa sewaktu Undang-undang meminda balik Kanun Tanah Negara supaya pemilikan tanah oleh warganegara asing khususnya dari segi pertanian dan pemilikan rumah dikenakan sekatan-sekatan bahawa pihak Pembangkang-pembangkang tidak ada di sini. Jangan sekali-kali lepas ini diputar-belitkan lagi isu yang sedemikian. Oleh kerana apa yang berlaku di dalam Dewan pada petang ini adalah lambang kepada putarbelit, kepada ketidaktanggunganjawaban pihak Pembangkang.

Bagaimanakah seorang yang telah digantung untuk tidak hadir dan sekiranya masuk di dalam Dewan hanya merupakan seorang luar yang menceroboh datang berbuat demikian? Kalau perkara Undang-undang dan peraturan mesyuarat boleh diputar-belitkan, apatah lagi Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan, sekiranya perkara ini tidak dihebahkan dengan seluas-luasnya kepada rakyat jelata.

Oleh itu saya minta dari konteks ini, dalam konteks penyekatan semula pihak asing dari memiliki tanah, dalam konteks tanah pertanian ataupun tanah perumahan, diharap perkara ini dijelaskan. Gunakanlah mana-mana agensi Kerajaan yang menjalankan tugas-tugas penerangan supaya perkara

ini diberi penjelasan sejelas-jelasnya supaya tidak lagi dieksploitasikan oleh mana-mana pihak. Dan sekiranya ada mana-mana pihak yang ingin mengeksploitasikan, kita sebarkan **Hansard** persidangan Parlimen pada petang ini ke seluruh negara, bahawa mereka ini tidak hadir dalam Dewan untuk membahaskan ataupun untuk membangkang usul-usul ini.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai penggunaan komputer ataupun computerisation Pejabat-pejabat Tanah. Masalah urusan tanah ini adalah satu masalah yang merupakan 'time bomb' kepada Ahli-ahli politik khususnya sekiranya kita membuat dealing dengan rakyat jelata. Di mana-mana merata-rata, selalunya masalah tanah ataupun masalah permohonan tanah yang memakan waktu bertahun-tahun sehingga kadangkala timbul permohonan yang bertindih-tindih. Orang ini sudah masuk surat permohonan, satu group lagi buat, ada sindikit lagi jual borang, buat lagi satu permohonan sehingga perkara ini menjadi kusut dan tidak dapat diselesaikan. Dan saya tidak mahu menyebut kerana perkara ini agak kurang sedap mahu didengar.

Tetapi ada juga kalangan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengenai pengeluaran tanah dan permohonan tanah ini menyelewengkan tugas mereka. Menyelewengkan tugas mereka dalam ertikata pilih kasih. Kadang-kadang tanah ini diracik dan dibahagi di kalangan mereka sendiri. Ini adalah tidak adil oleh kerana tanah itu harus diberi kepada mereka yang tidak mempunyai tanah. Dan dalam konteks tanah ini juga, saya ingin membangkitkan masalah tanah rizab Orang Asli yang sekarang ini diselewengkan. Yang diselewengkan kalau di Johor jatuh ke sebilangan besar tangan orang-orang yang bukan berhak untuk memiliki tanah itu. Perkara ini telah diusahakan menjadi ladang buah-buahan ataupun tanaman kontan.

Perkara ini pihak Kerajaan harus mencari satu jalan supaya perkara ini tidak berlaku kerana eksploitasi terhadap Orang-orang Asli ini adalah satu eksploitasi yang saya rasa beyond any moral yang melangkaui masalah moral dan kemanusiaan oleh kerana Orang-orang Asli ini orang yang patut diberi pembelaan, tetapi Orang-orang Asli ini mungkin menerusi loop holes di dalam Undang-undang, dengan izin, menjadi mereka kaum yang tertindas. Bagaimana kalau suatu hari nanti Orang-orang Asli ini berani berdiri dan mengatakan hak mereka?

Kalau kita tidak mulai hari ini melihat masalah tanah Orang-orang Asli ini supaya perkara ini tidak terus-menerus dilakukan penyelewengan itu. Dan dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pujian yang amat sangat kepada pihak Kementerian kerana mengadakan satu pindaan yang selaras dengan penerapan nilai-nilai Islam dalam konteks pentadbiran tanah-tanah wakaf. Dan juga mengenai masalah pilihan yang diberikan kepada mereka yang menggadaikan tanah sama ada mereka mahu memilih cara gadaian yang interest free yang selaras dengan Undang-undang Islam.

Jadi, dengan itu saya tidak mahu membuang masa. Cuma saya minta sekali lagi masalah pengetatan Undang-undang dari segi pemilikan tanah oleh pihak warganegara asing harap diperjelas dengan sejelas-jelasnya kepada seluruh rakyat jelata oleh kerana perkara ini telah dijadikan satu isu politik yang paling hangat dan paling besar di kalangan rakyat yang dirasuk dan dihasut untuk menentang Kerajaan khususnya di negeri Johor.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta jawapan.

6.40 ptg.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong atas teguran satu dua perkara tentang pindaan ini, dan sememangnya pihak Pembangkang saya setuju dengan Yang Berhormat cuma tahu melolong sahaja, tetapi tidak membuat satu usahapun untuk menolong rakyat.

Perkara penggunaan komputer pun akan dapat mempercepatkan kerja-kerja yang bersangkutan dengan tanah di Pejabat-pejabat Daerah dan juga di ibu pejabat.

Mengenai tanah rizab Orang Asli dengan peruntukan yang memberi kuasa yang lebih kepada PTG, kita harap masalah-masalah ini dapat diatasi. Dan segala teguran Ahli Yang Berhormat yang lain itu kita akan ambil perhatian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 74 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.*

*Fasal 75—*

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 75 dipinda seperti kertas yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana berikut:

75 (c) Gantikan perenggan (c) dengan berikut:

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "FEE \$ ....." dalam Borang 4A dengan yang berikut:

"FEE \$.....(Ringgit.....)  
Paid vide Receipt No.....  
for period expiring on 31st  
December....."

FIRST RENEWAL: FEE  
\$..... (Ringgit.....)  
Paid vide receipt No.....  
for period expiring on 31st  
December.....

SECOND RENEWAL:  
FEE \$.....(Ringgit.....)  
paid vide receipt No.....  
for period expiring on 31st  
December.....

THIRD RENEWEL: FEE  
\$.....(Ringgit.....)  
Paid vide receipt No.....  
for period expiring on 31st  
December.....";

75(m) (a) Potong perkataan "dan" di hujung butiran (i);

(b) Tambah perkataan "dan" di hujung butiran (ii); dan

(c) Tambah butiran baru (iii) seperti berikut:

'(iii) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "rate of interest," yang terdapat dalam bahagian "Annexure", perkataan-perkataan "if any,";

Pindaan-pindaan bertujuan untuk mengemaskini borang-borang berkenaan.

Dalam text Inggerisnya:

75 (c) Substitute paragraph (c) with the following:

(c) by substituting for the words "FEE \$....." in Form 4A the following:

"FEE \$.....(Ringgit.....)  
Paid vide Receipt No.....

for period expiring on 31st  
December.....

FIRST RENEWAL: FEE  
\$.....(Ringgit.....)

Paid vide receipt No.....

for period expiring on 31st  
December.....

SECOND RENEWAL:

FEE \$.....(Ringgit.....)

paid vide receipt No.....

for period expiring on 31st  
December.....

THIRD RENEWAL: FEE  
\$.....(Ringgit.....)

Paid vide receipt No.....

for period expiring on 31st  
December.....";

75 (m) (a) Delete the word "and" at the end of item (i);

(b) Add the word "and" at the end of item (ii); and

(c) Add a new item (iii) as follows:

'(iii) by inserting, immediately after the words "rate of interest." appearing in the "Annexure" part, the words "if any,";

Amendments seek to update the relevant Forms.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masalahnya sekarang pindaan ini terbuka untuk dibahas.

(Tidak ada perbahasan)

Masalahnya ialah pindaan ini hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 75* sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 76 hingga 77* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG AKITEK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.45 ptg.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Akitek (Pindaan) dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Akitek (Pindaan) yang dibentangkan ini adalah bertujuan untuk memperkemaskan peruntukan-peruntukan yang ada bagi membolehkan Lembaga Akitek menjalankan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan lagi.

Perkara-perkara yang penting yang tidak diliputi dalam Akta tahun 1967 yang berkuatkuasa sekarang juga diperkenalkan dalam Rang Undang-undang ini.

Pindaan-pindaan ini adalah selaras dengan kehendak dan perkembangan semasa dan dilakukan bagi mengemaskinikan segala syarat yang ada bagi memelihara dan mengawal profesion senibina keseluruhannya.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Akta induk atau Akta Akitek 1961 melibatkan pindaan kepada sebanyak 16 seksyen.

Ciri-ciri utama dalam pindaan yang dibuat sekarang adalah seperti berikut:

- (1) Pindaan kepada seksyen 4(1) seperti dalam Fasal 3 dilakukan untuk membolehkan Lembaga Arkitek melantik sesuatu penal pemeriksa bagi mengelolakan peperiksaan untuk memasuki profesion senibina.
- (2) Fasal 4(a) bertujuan untuk meminda seksyen 7(a) bagi memberi kuasa kepada Lembaga Arkitek untuk menetapkan peratusan syer pengundi yang akan dipegang oleh Arkitek di dalam sesuatu pertubuhan perbadanan sebelum pertubuhan perbadanan itu boleh menjalankan amalan senibina.
- (3) Fasal 6 iaitu berkenaan dengan pindaan kepada Seksyen 10. adalah bertujuan untuk menetapkan bahawa seseorang yang berdaftar yang dipotong namanya dari daftar Arkitek kerana tidak membaharui pendaftarannya boleh memohon untuk dimasukkan semula namanya ke dalam daftar tersebut sekiranya mereka memohon dalam tempoh 5 tahun dari tarikh nama mereka dikeluarkan dari daftar. Selepas dalam tempoh 5 tahun, mereka hanya layak

didaftarkan semula tertakluk kepada syarat-syarat semasa untuk pendaftaran. Peruntukan sekarang membenarkan mereka memohon pada bila-bila masa.

- (4) Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 10(a) untuk menyekat pendaftaran sementara seseorang Arkitek asing supaya hanya mereka yang terlibat dalam projek-projek yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan asing akan dilaksanakan di bawah peraturan dua hala antara Kerajaan sahaja akan membenarkan pendaftaran sementara. Ini adalah perlu untuk melindungi kepentingan para Arkitek tempatan.
- (5) Fasal 10 bertujuan meminda Seksyen 15 untuk menetapkan keadaan-keadaan di mana pendaftaran mana-mana Arkitek atau Siswazah Senibina berdaftar akan menjadi batal dan tidak sah, dan tidak mempunyai kuatkuasa undang-undang.
- (6) Cadangan mengadakan seksyen baru iaitu seksyen 15(a) adalah untuk memberi kuasa kepada Lembaga melantik sesuatu Jawatankuasa Siasatan dan suatu Jawatankuasa Disiplin. Apa-apa aduan terhadap seseorang Arkitek atau Siswazah Senibina berdaftar akan dibuat kepada Jawatankuasa Siasatan. Jawatankuasa Disiplin akan menyiasat apa-apa aduan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Siasatan, kesalahan-kesalahan dan penalti-penalti ditetapkan dalam subseksyen 2.

Cadangan mengadakan seksyen baru iaitu seksyen 15(b) adalah untuk membolehkan Lembaga menyiarkan pembatalan pendaftaran seseorang Arkitek atau Siswazah Senibina berdaftar di dalam *Warta* dan suatu akhbar tempatan. Langkah ini adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan awam serta membolehkan Lembaga melaksanakan fungsinya dalam mengawal etika dan tata kelakuan profesion senibina dengan lebih berkesan lagi.

- (7) Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 25 untuk mengetatkan lagi pengawalan ke atas Pelukis Pelan Bangunan berdaftar. Pindaan ini memberi kuasa kepada Lembaga sama ada untuk mengenakan satu tindakan atau mana-mana kombinasi tindakan yang diperuntukkan bergantung kepada kesalahan yang telah dilakukan oleh seseorang Pelukis Pelan Bangunan berdaftar itu. Ini juga akan menyelaraskan dengan penalti yang boleh dikenakan terhadap Arkitek dan Siswazah Senibina berdaftar.
- (8) Fasal 16 dan 17 adalah berkenaan dengan pindaan kepada seksyen 33 dan seksyen 34 untuk menambah penalti yang dikenakan terhadap orang yang melanggar peruntukan Akta Arkitek 1967 atau kaedah-kaedah yang diperbuat di bawahnya atau memperolehi pendaftaran dengan memberi maklumat-maklumat palsu dan sebagainya. Tambahan penalti ini adalah dari \$2,000 kepada \$5,000 atau hukuman penjara selama 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

- (9) Fasal 19 adalah berkaitan dengan pindaan kepada jadual dalam Akta untuk memberikan kuasa kepada Lembaga Arkitek mewakili mana-mana fungsinya melainkan yang berkaitan dengan Seksyen 35 kepada sebuah jawatankuasa yang dilantik olehnya. Ini adalah perlu untuk melicinkan lagi pelaksanaan fungsi Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan yang tersebut di atas, terdapat lain-lain pindaan kecil yang tidak disebut secara khusus kerana ia adalah pindaan sampingan yang bertujuan untuk memperkemas seksyen-seksyen yang sedia ada di dalam Akta yang berkuatkuasa sekarang.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta sokongan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Arkitek 1967 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Rompin.

6.53 ptg.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis (Rompin):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang pindaan yang dibentangkan sebentar tadi. Dalam perkara ini kita mengalu-alukan usaha Kerajaan dengan mengemukakan pindaan ini untuk mengkemaskinikan dan memastikan

Lembaga Arkitek, iaitu badan yang mentadbirkan profesion Arkitek di negara ini. Hasrat dan usaha ini kita alu-alukan.

Satu perkara yang saya ingin kemukakan ialah persoalan menaikkan dan meningkatkan mutu profesion. Saya nampak dan saya kira bukan semestinya ditumpukan kepada bidang Arkitek sahaja. Sudah semestinya kalau kita hendak meningkatkan profesion dan mutu kalangan profesional, khususnya dalam bidang binaan, kalau kita kira penglibatan Arkitek ini. Sudah semestinyalah profesion-profesion, kepakaran-kepakaran dalam bidang yang lain seperti kejuruteraan awam, kejuruteraan elektrik, mekanikal, quantity surveyor, land surveyor, landscaping dan lain-lain lagi.

Saya kira, sudah nampak bahawa profesion-profesion ini sudah semestinya juga badan-badan yang mengawasi profesion-profesion ini sudah semestilah perlu dikemaskinikan dan dikukuhkan dari semasa ke semasa. Persoalan saya ialah adakah bercadang selain daripada mengemukakan pindaan untuk profesion Arkitek ini? Adakah Kerajaan juga bercadang untuk mengemukakan pindaan bagi badan-badan yang menyelaraskan profesion-profesion yang lain. Itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, persoalan dari segi mutu dan kualiti profesion, saya nampak pertama ialah kita perlu meningkatkan seperti yang dikemukakan oleh Kerajaan—Kementerian mengemukakan satu pindaan bagi mengemaskini dan mengukuhkan Lembaga yang mengawasi Arkitek, tetapi persoalan pada saya juga ialah bagaimana pula dengan ethic, dengan peraturan tentang industri itu sendiri. Kalau kita lihat dari segi Arkitek, mereka dalam melaksanakan tugas mereka ini, mereka berasaskan kepada satu peraturan yang dipanggil building bylaw, ataupun aturan-peraturan pembangunan, membangunkan binaan.

Saya nampak dan percaya memang kita memerlukan satu usaha untuk mengukuhkan Lembaga Arkitek yang mengawasi perjalanan Arkitek-arkitek. Namun demikian, saya nampak dan percaya bahawa peraturan yang mengenakan dan standard dan ukuran binaan itu sendiri perlu dikaji dari semasa ke semasa.

Baru-baru ini kita lihat satu kebakaran telah berlaku di Lapangan terbang Subang. Dan ini jelas dalam akhbar mengatakan bahawa cermin yang digunakan untuk Lapangan terbang, mungkin usahanya baik pada peringkat awal supaya cermin itu teguh dan tidak membenarkan bunyi daripada kapal-terbang yang memasuki bangunan ini. Tetapi dengan adanya meletakkan cermin yang begitu kukuh, usaha untuk menyelamatkan kebakaran tidak dapat diadakan secepatnya oleh kerana cermin itu terlalu kukuh, hendak pecah pun tidak boleh. Saya nampak dan percaya bahawa itu satu contoh.

Contoh yang kedua, ialah dari segi bangunan awam sendiri. Rata-rata kita lihat bangunan Kerajaan, bangunan hotel—macam di bangunan shopping complex sudah ada usaha-usaha untuk meletakkan satu tingkat untuk hawkers, kegunaan hawkers floor. Juga ada usaha-usaha baru ini dalam building bylaws memastikan supaya landscaping itu diletak sebagai asas kelulusan development order. Persoalan yang saya nampak, tetapi kalau kita lihat bagi kita orang Islam yang pergi ke bangunan-bangunan awam yang hendak mengendalikan sembahyang waktu tidak ada di hotel-hotel, misalnya bilik sembahyang. Perlu saya kira building bylaw diubahsuaikan supaya kalau diadakan kalau tiap-tiap tingkat ada bilik airnya. Begitu juga tiap-tiap bangunan awam diadakan juga bilik sembahyang. Kalau di hotel, masa bulan puasa memanglah di hotel-hotel, salah satu bilik—dua, satu bilik untuk wanita sembahyang dan satu bilik untuk lelaki. Tetapi hari yang biasa kalau waktu

Maghrib atau Asar tidak ada tempat untuk kita mengerjakan sembahyang. Mungkin saya nampak usaha-usaha untuk menyemak kembali building by-laws untuk mereka ini disamakan dengan kehendak semasa seperti kehendak-kehendak fire fighting requirements, kehendak-kehendak agama yang semasa. Saya nampak juga dari segi sekarang ini bahawa sudah ada usaha untuk mengurangkan kerugian tenaga. Oleh itu, sudah mungkin ada usaha untuk mengenakan double glazing dalam menggunakan glass-glass ataupun cermin-cermin untuk bangunan.

Persoalan saya ialah adakah Kerajaan selain daripada usaha dalam pindaan Akta yang dikemukakan pada hari ini, dalam mengemaskinikan Lembaga Arkitek yang mengawasi perjalanan profession Arkitek, adakah juga Kerajaan bercadang untuk review kembali building bylaws supaya semua ini adalah up-to-date dan semasa?

Perkara yang akhir yang ketiga saya ingin sentuh, saya mengalu-alukan usaha Kerajaan untuk mengawal dan menyekat kemasukan arkitek-arkitek asing, kita alu-alukan. Ini memang menjadi keluhan local architect, dengan izin, arkitek-arkitek tempatan banyak kerja-kerja yang lumayan, projek-projek besar semuanya tidak dapat diberikan keutamaan kepada arkitek tempatan. Kita mengalu-alukanlah usaha-usaha ini. Tetapi persoalan saya juga bagaimana dengan profession yang lain. Saya nampak dan saya kira usaha ini janganlah ditumpukan kepada arkitek sahaja. Saya tidak tahu mengapa Kementerian ini favourite hanya kepada Arkitek sahaja. Saya nampak dan saya percaya bagaimana pula dengan profesional-profesional yang lain. Mereka juga sudah semestinya memerlukan pembelaan juga daripada Kerajaan tentang kemasukan jurutera atau pakar-pakar profesional daripada luar negara ini. Itulah sahaja yang dapat saya sentuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, minta jawapan.

*6.59 ptg.*

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Rompin yang membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan Akta Arkitek ini.

Soalan yang pertama, sama ada Kerajaan akan semak semula Akta-akta berkenaan dengan badan profesional yang lain seperti jurutera awam, mekanikal, elektrik dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Kerja Raya telah bandingkan Akta-akta seumpama ini dengan Akta Arkitek dan kita terjumpa Akta Arkitek itu adalah tertinggal di belakang. Oleh sebab itu, kita membuat pindaan untuk mengemaskinikan Akta Arkitek. Sekiranya ada apa-apa perkara yang tidak sempurna berkenaan dengan Akta-akta mengenai jurutera awam, mekanikal, elektrik dan lain itu, kita bolehlah mengadakan dialog dari masa ke semasa. Jika perlu, kita akan mengemaskinikannya lagi. Sekarang ini kita tiada cadangan.

Berkenaan dengan peraturan Building Bylaws dan juga berkenaan dengan kebakaran yang berlaku di Lapangan Terbang Subang, sungguhpun ianya tidak sangkut-paut atau berkaitan dengan Akta Arkitek (Pindaan) ini, tetapi eloklah saya beri sedikit penjelasan. Mengenai cermin yang kukuh yang digunakan di dalam Lapangan Terbang Subang itu, ini sebenarnya adalah dicadangkan dengan satu cara yang specific untuk meletakkan cermin yang begitu kukuh. Kalau tidak, kita kena meletakkan dinding seperti dinding batu-bata. Lapangan Terbang Subang ini adalah satu kawasan sekuriti

atau, dengan izin, security area. Jadi, kita mestilah menggunakan bahan binaan yang paling baik untuk menjaga keselamatan di kawasan keselamatan itu. Jadi, kita tidak boleh mempertikaikan mutu cermin yang digunakan. Sebenarnya, kita mesti memberi penghargaan kepada jurutera atau konsultan yang mencadangkan untuk menggunakan cermin itu. Dalam rekabentuk Lapangan Terbang itu sebenarnya ada jalan-jalan lain yang boleh masuk, tetapi dalam masa yang begitu cemas, mungkin Bomba tidak tahu bagaimana jalan yang lebih senang untuk memadamkan api itu. Mengenai bangunan-bangunan awam seperti hotel, shopping arcade dan sebagainya kalau Building Bylaws itu tidak sempurna, Kementerian Kerja Raya sedia memindanya supaya dapat memenuhi keperluan sekarang ini.

Itulah satu, dua perkara sebagai jawapan daripada saya ini dan dengan ini saya memohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 19* diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya Urusan-urusan Kerajaan pada hari ini telahpun selesai. Sebelum saya menanggung Dewan ini, sukalah saya hendak mengambil kesempatan bagi pihak Tan Sri Yang di-Pertua, untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan kerjasama menjayakan mesyuarat kita pada sesi ini. Walaupun kita telah menempuh bermacam-macam masalah dan angkara yang tidak begitu baik di dalam Dewan ini, tetapi bagaimanapun kita dapat menjayakan mesyuarat tanpa insiden-insiden yang lebih dahsyat lagi. Marilah kita bersama-sama berdoa mudah-mudahan, insya Allah, pada sesi-sesi yang akan datang Mesyuarat di Dewan ini berjalan dengan baik.

Oleh yang demikian, saya tangguhkan Dewan ini sekarang kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan. (*Tepuk*)

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.07 malam.*